



LAPORAN TAHUNAN 2020



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MBJB

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN JOHOR BAHRU KE ARAH BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA, BERBUDAYA DAN LESTARI



LAPORAN TAHUNAN **2020**



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MBJB

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN JOHOR BAHRU KE ARAH BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA, BERBUDAYA DAN LESTARI

Kandungan

PERUTUSAN DATUK BANDAR	3	JABATAN PENGURUSAN	13	JABATAN LANDSKAP	187
PENGENALAN	4	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	61	JABATAN PERBENDAHARAAN	197
VISI, MISI & OBJEKTIF STRATEGIK	5	JABATAN KERJA AWAM	111	JABATAN KESIHATAN	209
OBJEKTIF & FUNGSI	6	JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	135	JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	233
STRUKTUR PENTADBIRAN	7	JABATAN KAWALAN BANGUNAN	147	JABATAN PELESENAN	249
AHLI MAJLIS MBJB	8	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	173	JABATAN PENGUATKUASAAN	261
PENGURUSAN MBJB	9			JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	277

Sidang Pengarang

PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru
Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru

KETUA PENGARANG

Mohamad Khairulnazar bin Esa
Pengarah Korporat & Perhubungan Awam

AHLI REDAKSI

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina Shaari
Norasmah binti Mohd Adros

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Norani binti Alwi
Nur Aisyah binti Mohtar
Hamidah binti Ibrahim @ Zol

JABATAN KERJA AWAM

Mohamad Noor Redzuan bin Mohd Sani
Mohd Firdaus bin Mohamed

JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR

Muhammad Ihsan bin Sujani

JABATAN BANGUNAN

Norashikin binti Samion
Qurratu'aini binti Sadan

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

Siti Marina binti Abdullah
Efaliza binti Abu Bakar
Yusran bin Hassan
Muhamad Khalieq bin Razli

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Mohd Shamsul bin Abdullah
Shafiza binti Mohd Fadzil
Nurfarahin binti Hussin
Kamariah binti Abd Ghani
Mohd Anariza bin Mohd Noor
Zabiratul Azra binti Mohd Najib

JABATAN LANDSKAP

Bambang Suherman bin Bambang Sukocho

JABATAN KEWANGAN

Nurul Aqilah binti Rodzuan
Siti Salwani binti Ali

JABATAN KESIHATAN

Dr Muhamad Khairi bin Sulaiman
Mohd Faizal bin Hassan

JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

Mohd Syazwan bin Abdul Rauf
Muhammad Aszat bin Asmadi
Norazura binti Ab Wahab

JABATAN PELESENAN

Nur Azimah binti Yahaya

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Mohd Nor Azmi bin Md Yunos

BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Gs. TPr. Nurazhani binti Bujang

BAHAGIAN INTEGRITI

Norhashimah binti Omar

BAHAGIAN PESELUPUTAN BANGUNAN (CIDB)

Mazlan bin Musa

UNIT PUSAT SETEMPAT (DSQ)

Encik Rosli bin Yusop

BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

Mohamad Rashid bin Selamat

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Siti Khadijah binti Rappa

BAHAGIAN AUDIT

Juliana binti Esahak

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dicetak dan diterbitkan pada tahun 2021.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Perutusan

DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



**DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM
BIN DATO' HAJI OSMAN**

Datuk Bandar Majlis Bandaraya
Johor Bahru

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya.

Syukur Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Johor Bahru 2020 ini berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi yang berjaya menerbitkan buku laporan ini. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkhidmatan perbandaran di bandar raya Johor Bahru, semestinya satu hala tuju yang jelas perlu diwujudkan dan diselarikan dengan dasar Kerajaan Negeri seperti Pelan Pembangunan Mampan Johor 2021-2030, Tujuh Ikhtiar Makmur Johor, Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

Dengan terbitnya Laporan Tahunan 2020 ini, segala program dan aktiviti yang dianjurkan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dapat dipaparkan untuk bacaan umum. Lebih penting lagi, analisa ringkas mengenai prestasi dan pencapaian setiap jabatan dan bahagian dapat dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

MBJB merupakan PBT yang pertama dinaik taraf kepada status 'Bandaraya' di negeri Johor dan antara yang terawal di peringkat kebangsaan. Justeru, MBJB harus mencerminkan kematangan ini dengan melakukan anjakan yang lebih besar dalam menghadapi cabaran semasa dan menggalas harapan warga bandar raya yang menuntut penyampaian perkhidmatan kelas pertama.

Jika sempurna pelaksanaannya, objektif strategik yang dirangka dengan fokus yang bertumpu kepada pembangunan fizikal bandar raya dan juga sosioekonomi bandar raya ini bukan sahaja dapat membangunkan bandar raya serta warganya, malah dapat meningkatkan kredibiliti, imej dan reputasi MBJB secara keseluruhannya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga MBJB yang telah memberikan sumbangan yang penuh dedikasi demi menjamin misi dan visi MBJB tercapai. Semoga hubungan erat dan kerjasama sesama warga MBJB semakin kukuh.

Sekian, terima kasih.
Mesra, Berkhidmat, Jujur, Berbakti.

Pengenalan

Johor Bahru mula dibuka pada 10 Mac 1855 oleh Temenggung Daeng Ibrahim. Kedudukannya yang strategik di selatan Semenanjung Malaysia menjadikannya bandar raya 'pintu masuk' utama ke negara ini melalui Singapura. Johor Bahru menikmati iklim tropika dengan perubahan suhu harian pada 24 darjah Celsius hingga 32 darjah Celcius. Johor Bahru mudah dihubungi dengan bandar-bandar lain di negara ini melalui rangkaian jalan raya serta pengangkutan laut dan udara. Jarak antara Johor Bahru dengan bandar raya Kuala Lumpur adalah lebih kurang 375 kilometer dan hanya kira-kira 1.5 kilometer dengan Singapura yang dihubungi oleh Tambak Johor.

Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula dengan penubuhan Jabatan Lembaga Bandaran pada tahun 1910 yang berfungsi untuk memungut hasil cukai rumah, lesen perniagaan, pasar dan permit barangan. Kewujudan jabatan ini memperlihatkan kemajuan Johor Bahru sebagai pusat perkembangan ekonomi di selatan Semenanjung Malaysia, daripada laporan yang dibuat oleh J. Griffiths pada 1914 yang membuktikan berlakunya peningkatan ekonomi Johor Bahru.

Pada 1 April 1977, Johor Bahru telah dinaikkan ke taraf perbandaran hasil penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan dalam negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kerajaan juga telah memperluaskan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru daripada 65 km persegi kepada 119.5 km persegi, pertambahan sebanyak 54.5 km persegi yang merangkumi dua buah majlis tempatan iaitu Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau.

Bandar Raya Johor Bahru telah dianugerahkan taraf 'bandar raya' pada 1 Januari 1994 setelah memenuhi syarat dan kriteria untuk kenaikan taraf tersebut. MBBJ diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBBJ diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.



Visi

Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa
Berbudaya dan Lestari

Misi

1. Mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudah cara strategik untuk semua pihak berkepentingan.
2. Memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya.
3. Menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya.

Objektif Strategik

O.S 1

Tadbir Urus Berkualiti, Berintegriti Tinggi dan Modal Insan Yang Kompeten

O.S 2

Pengukuhan Kewangan dan Kemampunan Pertumbuhan Ekonomi Bandar Raya

O.S 3

Menerapkan Penggunaan Teknologi Baharu Melalui Inovasi Berterusan

O.S 4

Perkhidmatan, Kemudahan dan Infrastruktur Yang Berkualiti

O.S 5

Sejahtera dan Makmur Berteraskan Nilai Nilai Kerohanian dan Kemasyarakatan Yang Tinggi

O.S 6

Memacu Penyertaan Awam Yang Interaktif dan Inklusif Dalam Memperkasa Pembangunan

O.S 7

Keseimbangan Pembangunan dan Kelestarian Alam Sekitar



Objektif

1. Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran.
2. Meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan penduduk.
3. Memastikan perancangan pembangunan yang teratur dan seimbang serta mengekalkan kualiti kebersihan persekitaran.
4. Meningkatkan persekitaran bandar raya dan kawasan rekreasi.
5. Meningkatkan infrastruktur untuk kepentingan penduduk seperti rangkaian jalan raya, sistem lalu lintas, perparitan dan pembetulan.
6. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam yang terdiri daripada tempat-tempat perniagaan, kemudahan, sukan, kebudayaan, perpustakaan dan lain-lain.

Fungsi

1. Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk menyediakan pelan struktur.
2. Pengeluaran dan pengawalan lesen perniagaan, penaja dan pengiklanan.
3. Pengindahan bandar raya.
4. Perkhidmatan kesihatan, kawalan mutu makanan, kebersihan pusat makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
5. Pembinaan dan penyelenggaraan jalan.
6. Pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam.
7. Penyelenggaraan sistem saliran dan kebersihan alam sekitar.
8. Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti pasar, gerai, kompleks sukan, perhentian bas, dewan dan perpustakaan.
9. Kutipan hasil cukai harta berdasarkan senarai nilai yang disediakan bagi pegangan-pegangan bercukai dalam pentadbiran majlis.
10. Pengurusan sumber manusia.
11. Perkhidmatan sokongan dan pengurusan.

Struktur Pentadbiran

Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Datuk Bandar yang bertindak sebagai Ketua Pentadbiran dalam organisasi ini. Seramai 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membantu Datuk Bandar khususnya dalam menjadi 'wakil rakyat' bandar raya untuk mendapatkan suara rakyat termasuklah berkaitan aduan pelbagai isu, perancangan agenda tempatan untuk pembangunan masyarakat dan sebagainya. Setiausaha dan Timbalan Setiausaha pula memainkan peranan membantu Datuk Bandar dalam urusan pentadbiran harian. Sebanyak 12 buah jabatan telah dibentuk berdasarkan fungsi perkhidmatan yang diberikan manakala enam bahagian lagi diletakkan di bawah Datuk Bandar.

Perkhidmatan Utama

Perkhidmatan-perkhidmatan utama yang diberikan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru merangkumi perkara-perkara berikut:

BiL	Perkhidmatan-Perkhidmatan Utama
1.	Perancangan bandar
2.	Pengawalan pembangunan
3.	Pengurusan cukai harta
4.	Pengurusan kewangan
5.	Pengawalan perniagaan
6.	Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
7.	Penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam
8.	Pengurusan lalu lintas
9.	Pengindahan bandar raya
10.	Pengurusan kebersihan
11.	Kesihatan awam
12.	Sosial, sukan, kebudayaan dan pelancongan
13.	Korporat dan hal ehwal awam
14.	Pesuruhjaya bangunan
15.	Penguatkuasaan undang-undang
16.	Khidmat pengurusan

Ahli Majlis Majlis Bandaraya Johor Bahru



- | | | |
|---|--|---|
| 1. YBHG. Datuk Haji Mohammad bin Dolmat Ketua WHIP
<i>Zon Tiram</i> | 7. Encik Mohd Hairi bin Mad Shah
<i>Zon Kebun Teh/ Zon Stulang</i> | 13. Tuan Haji TPR. Nur Faizal bin Abdullah
<i>Zon Kempas</i> |
| 2. YBHG. Datuk Ramlee bin Bohani
<i>Zon Tampoi</i> | 8. Encik G. Jayasilan A/L Gopal
<i>Zon Taman Abad/ Wadi Hana/ Zon Pelangi/ Taman Sentosa</i> | 14. Encik Dzulkifli bin Suleiman
<i>Zon Taman Rinting/ Sri Plentong</i> |
| 3. YBHG. Datuk Yahya bin Jaafar
<i>Zon Bandar Baru Uda/ Zon Kampung Melayu Majidee/ Taman Suria</i> | 9. Tuan Haji Abdul Latiff bin Ismail
<i>Zon Permas Jaya/ Teluk Jawa/ Zon Taman Molek/ Zon Johor Jaya</i> | |
| 4. Encik Norizam bin Mohd Yunus
<i>Zon Desa Cemerlang/ Zon Taman Daya</i> | 10. Encik Mohd Faizal bin Abd Rahman
<i>Zon Dato' Onn/ Kangkar Tebrau</i> | |
| 5. Encik Suhaimi bin Ahmad
<i>Zon Bandar/ Teluk Danga</i> | 11. Puan Zeti Zanariah binti Masran
<i>Zon Setia Austin</i> | |
| 6. Tuan Haji Abu Talib bin Alias
<i>Zon Bakar Batu/ Zon Larkin</i> | 12. Encik Mohamad Isa bin Mohamad Basir
<i>Zon Pelangi Indah/ Zon Austin Duta/ Zon Mount Austin</i> | |

Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru



**Dato' Haji Mohd. Noorazam Bin
Dato' Haji Osman**
Datuk Bandar



Haji Miswan Bin Yunus
Setiausaha



**Ir. Hajah Nazatul Shima Binti
Mohamad**
Timbalan Setiausaha

Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru



Maznizam Bin Mohd Sapuan
Penasihat Undang-Undang



Haji Abdul Aziz Bin Ithnin
Pengarah Khidmat Pengurusan



Datuk TPr. Affendi Bin Ahamad
*Pengarah Perancangan
Pembangunan*



Haji Azmi Bin Miswan
*Pengarah Penilaian &
Pengurusan Harta*



Haji Fadzil Bin Talib
Pengarah Perbendaharaan



**Ir. Hajah Nazatul Shima Binti
Mohamad**
Pengarah Kerja Awam



Dr. Hajah Aslinda Binti Salikin
Pengarah Kesihatan



Fadzlina Binti Abdul Malek
*Pengarah Korporat
& Perhubungan Awam*



Abd. Rahman Bin Abdullah
Pengarah Integriti

Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru



Mohamad Khairulnuar Bin Esa
*Pengarah Pembangunan
Masyarakat*



Hazrin Bin Ahmad
Pengarah Pelesenan



Haji Abd Jalil Bin Tasliman
Pengarah Kawalan Bangunan



Syafini Binti Mohi
Pengarah Audit Dalam



Muhammad Faiz Bin A. Razak
Pengarah Penguatkuasa



LAr. Mustika Ally Binti Zulkifli
Pengarah Landskap



Mohd Rafi Bin Jasman
Pengarah Pengangkutan Bandar




Norfarahtilah Binti Ngaddemin
Penolong Pesuruhjaya Bangunan



Rosli Bin Yusop
Ketua Unit Pusat Sehati

Carta Organisasi





Jabatan Pengurusan



Bahagian Korporat & Perhubungan Awam


Pengenalan

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Strategik. Mulai Julai 2009, jabatan ini dikenali sebagai Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam hasil penyusunan semula struktur organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dan diletakkan terus di bawah pengawasan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini mempunyai beberapa unit yang berperanan menjalankan tugas masing-masing iaitu Unit Perhubungan Pelanggan dan Penerbitan, Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam dan Unit Pentadbiran.


Unit Perhubungan Pelanggan

Unit Perhubungan Pelanggan melalui Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam menguruskan aduan awam di seluruh kawasan pentadbiran MBBJ. Aduan awam merupakan salah satu tahap penilaian orang awam memberi maklum balas dan pandangan atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pengurusan aduan awam di MBBJ adalah berdasarkan Sistem Pengurusan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 serta Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 1/2009 iaitu penambahbaikan proses pengurusan aduan awam. MBBJ menyediakan pelbagai bentuk saluran aduan seperti telefon/hotline, datang sendiri/*walk in*, saluran media sosial seperti e-mel, *facebook* dan *whatsapp*.


Analisis Aduan Awam Bagi Tahun 2020



Jumlah Aduan Mengikut Jabatan Yang Tertinggi Pada Tahun 2020



5 Jenis Aduan Tertinggi MBBJ Tahun 2020



Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam berperanan mengendalikan lawatan penandaarasan agensi dan lawatan rasmi ke MBBJ, pengurusan acara dan program sempena ulang tahun perisytiharan MBBJ, penjenamaan dan pemerkasaan imej korporat, pameran MBBJ, penyediaan maklumat korporat rasmi MBBJ, pengurusan hubungan media, pengurusan gambar rasmi MBBJ dan pengurusan cenderamata korporat MBBJ.

Laporan Lawatan Agensi Luar Ke MBBJ

Bulan.	Jumlah Lawatan
Januari.	3
Februari	-
Mac	1
April	-
May	-
Jun	2
Julai	1
Ogos	2
September	4
Oktober	-
November	-
Disember	-
Jumlah	13

*Pandemik COVID-19 meminimumkan jumlah lawatan yang diterima.

Laporan Keratan Akhbar 2020

Bulan.	Jumlah Lawatan												
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Nov	Okt	Dis	Jum
Straits Times / Sunday Times	0	0	0	0	1	0	2	0	0	0	0	0	3
Berita Harian / Berita Minggu	3	0	0	1	1	2	5	0	2	4	5	1	24
Star (Isnin Hingga Jumaat)	3	0	6	2	1	1	2	4	4	4	6	4	37
Utusan M'sia / Mingguan M'sia	0	0	0	0	0	0	4	1	3	0	3	5	16
Harian Metro	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	2	1	5
Sin Chew	1	1	0	1	0	3	11	1	5	2	2	3	30
Kosmo	1	0	0	0	0	0	0	0	2	1	2	2	8
Sinar Harian / Harian Ahad	1	1	4	0	0	4	2	0	1	2	1	0	16
Nanyang	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Oriental Daily	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	2
China Press	2	1	2	0	0	0	3	0	0	0	0	0	8
Jumlah Keseluruhan													150

Unit Penerbitan dan Galeri

Unit Penerbitan berperanan mengendalikan urusan pengeluaran bahan-bahan bercetak MBBJ yang merangkumi penerbitan Buletin Lensa Bandar Raya JB, Laporan Tahunan, *coffee table book*, risalah, poster, buku cenderamata, sijil serta kad jemputan. Unit ini juga telah diberi tanggungjawab untuk mewujudkan Galeri MBBJ yang memuatkan maklumat dan arkib berkenaan sejarah dan perkembangan bandar raya Johor Bahru dan juga Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Laporan Unit Penerbitan:

1. Menerbitkan 4 keluaran buletin setahun, iaitu bagi edisi 2020 berjudul 'Lensa Bandar Raya JB'.



2. Menerbitkan Laporan Tahunan 2019 (tahun semasa) dan membuat edaran kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



3. Mencetak Yasin, kalendar tahunan, kalendar program, diari rasmi, kad hari lahir anggota MBBJ, kad nama, brosur, risalah, sijil, kad jemputan, gegantung (bunting), kain rentang (banner), latar pentas (backdrop) untuk kegunaan acara rasmi program MBBJ.



4. Menguruskan pengedaran bahan-bahan penerbitan MBBJ kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), agensi kerajaan, senarai pihak berkuasa tempatan (PBT) lain dan kepada orang awam.

Laporan Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru:

Ditubuhkan pada 21 Februari 2011 sempena kejayaan MBBJ menerima pengiktirafan 'EMPAT BINTANG' Sistem 'Star-Rating' (SSR-PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2009. Galeri ini telah dirasmikan oleh Encik Hoo Seong Chang, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, wakil Menteri Besar Johor. Lokasinya terletak di Aras 3 Wisma JOTIC (Johor Tourist Information Centre), Jalan Ayer Molek, Johor Bahru. Galeri ini dibahagikan kepada enam bahagian mengikut segmen iaitu 'Sejarah Johor Bahru', 'Keistimewaan Johor Bahru', 'MBJB... Penguasa Tempatan Anda' dan 'Johor Bahru Dulu & Kini'.

Bahagian Undang-Undang

1. Latar Belakang Organisasi

(i) Fungsi dan peranan Unit Undang-Undang

Unit Undang-undang, Jabatan Pengurusan berfungsi sebagai nadi utama kepada pentadbiran dan pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan menguruskan hal ehwal undang-undang berkaitan Majlis termasuk memberi nasihat undang-undang, mengendalikan kes-kes sivil melibatkan Majlis, melaksanakan tindakan saman, penyediaan dan semakan kontrak & perjanjian, penguatkuasaan undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang.

Selaras dengan perluasan kawasan di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Unit Undang-undang telah memperkemaskan lagi fungsi-fungsi di Unit Undang-undang sedia ada bagi memastikan fungsi-fungsi ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Di Unit Undang-undang ini telah dibahagikan kepada beberapa seksyen yang berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan mengikut fungsi unit iaitu:

A) Litigasi

- i) Seksyen Mahkamah Majistret (Bandaraya
- ii) Seksyen Tunggakan Kampaun & Bantuan Guaman Am (Cob)
- iii) Seksyen Pendakwaan


B) Khidmat Nasihat

- i) Seksyen Bantuan Guaman Am (Hasil)
- ii) Seksyen Penggubalan & Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang
- iii) Seksyen Bantuan Am (Aset Majlis)
- iv) Seksyen Pentadbiran, Perjanjian Dan Bantuan Guaman Am (Penswastaaan)

A)Litigasi

- i) Seksyen Mahkamah Majistret (Bandaraya)
 - 1. Mempercepatkan proses perlaksanaan penguatkuasaan undang undang-undang ke atas Orang Kena Saman (OKS)
 - 2. Mengendalikan kes kes-kes saman Majlis:
 - (i) Pendaftaran kes kes-kes saman
 - (ii) Menetapkan tarikh sebutan/perbicaraan kes
 - (iii) Mengurangkan penangguhan jumlah kes kes saman
 - 3. Mendengar sebutan dan perbicaraan kes kes saman MBBJ, MBIP, MPPG dan Presgo (kes parking) di Mahkamah Majistret Bandar araya) Johor Bahru
 - 4. Majitret menjatuhkan hukuman terhadap OKS yang melakukan kesalahan
 - 5. Mengeluarkan Waran Tangkap terhadap OKS yang mngelak daripada dikenakan tindakan undang-undang

Jabatan	Bangunan	Perancang	Pelesenan	Penguatkuasaan		Kewangan	Kesihatan	Jumlah
	Sek. 70(1) Akta JPB 1974 (Akta 133)	Sek. 19 Akta PBD 1976 (Akta 172)	UUK Pelesenan (MBJB) 2004/2016	UUK Penjaja (MBJB) 2010	UUK Mencegah Kekotoran (MBJB) 2004	PLJ (MBJB) 2003	Sek. 82 (Akta 171)	
(1) Kes Saman Dirujuk Ke Bhg Undang-Undang	3	1	21	1	51	0	0	77
(2) Kes Saman Yang Telah Disediakan Dan Dirujuk Ke Mahkamah Untuk	14	2	30	1	41	21	0	109
(3) Kes Saman Disebut/ Dibicara Di Mahkamah	0	3	38	0	0	0	0	41



Graf laporan kes saman yang dirujuk, didaftar dan disebut/dibicara Bagi tahun 2020

ii) Seksyen Tunggakan Kompaun & Bantuan Guaman Am (Cob)

1. Bantuan Operasi Pelbagai Jabatan
2. Ulasan dan Khidmat Bantuan Guaman untuk COB
3. Pemegang Fail Prosedur Kualiti Tunggakan Kompaun
4. Penyelenggaraan Unit Tunggakan Kompaun
5. Penyediaan/Pemantaun Polis Bantuan bagi:
 - (i) Kawalan Aman Pejabat
 - Menara MBBJ
 - Mahkamah MBBJ
 - Enobas/PSI
 - Eskot OKS/Hasil
 - COB dll
 - (ii) Penyerahan Notis/
 - Notis Amaran/
 - Tunggakan Kompaun
 - (iii) Penyerahan
 - Pela ksanaan Waran
 - Tangkap/Sapina

Laporan aktiviti tahunan sepanjang 2020

No.	Aktiviti	Jumlah Lawatan
Unit Polis Bantuan		
1.	Kawalan aman/ keselamatan bagi sesi persidangan di Mahkamah Majistret (Bandaraya) Johor Bahru	28 Kali
2.	Serahan Notis, Saman, Sapina dan waran tangkap kepada Orang Kena Saman (OKS)	Notis - 281 helai Saman - 1,121 helai Waran Tangkap - 3 helai Saman PBT Luar - 57 helai
3.	Kawalan aman/ keselamatan bagi acara lelongan awam MBBJ	1 kali
4.	Operasi bersepadu bersama Jabatan Pelaksana MBBJ.	5 kali
5.	Kawalan aman/ keselamatan di Kaunter Kewangan MBBJ (Johor Jaya dan Permas Jaya)	7 kali
6.	Kawalan aman/ keselamatan di Pasar awam Majlis	216 kali
7.	Kawalan aman/ keselamatan di Bazar Karat MBBJ	198 kali
8.	Kawalan aman/ keselamatan di e-Nobas	2 kali
9.	Kawalan aman/ keselamatan bagi gelandangan bertempat di Gunung Pulai, Kulai	60 hari
Tunggakan Kompaun Pelbagai		
10.	Mengeluarkan notis tunggakan kompaun pelbagai kepada Jabatan Pelaksana bagi mulai tahun 2014 hingga 2018	2,477 Notis
Pesuruhjaya Bangunan (COB)		
11.	Membuat ulasan/ khidmat Bantuan Guaman kepada Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB).	5 ulasan

Laporan aktiviti tahunan sepanjang 2020



Serahan Notis, Saman, Waran Tangkap Kepada Orang Kena Notis (OKN) Dan Orang Kena Saman (OKS)



Kawalan Keselamatan & Ketenteraman Di Bazar Karat Johor Bahru



Kawalan Keselamatan & Ketenteraman Di Pasar Awam Majlis (Johor Jaya, Taman Molek Dan Ulu Tiram)



Kawalan Keselamatan & Ketenteraman Di Pejabat Menara MBBJ, Bukit Senyum



Kawalan Keselamatan & Ketenteraman Di Kaunter Pembayaran Setempat (Permas Jaya Dan Johor Jaya)




Kawalan Keselamatan Dan Ketenteraman Yang Dibuat Semasa Operasi Bersama Jabatan Pelaksana

- iii) Seksyen Pendakwaan
- 1. Memproses tindakan saman
 - Semakan IP yang dirujuk
 - Penyediaan dokumen saman
 - Dapatkan izin tuduh TPR
 - Pendaftaran kes di Mahkamah
 - 2. Pendakwaan dan prosiding kes saman di Mahkamah
 - 3. Ulasan sebelum tindakan saman
 - 4. Semakan Notis-notis Untuk Tindakan Pendakwaan
 - 5. Kajian dan Ulasan mengenai Pendakwaan
 - 6. Laporan Mingguan, Bulanan dan Tahunan
 - 7. Pemegang Fail Prosedur Kualiti Saman
 - 8. Sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Penguatkuasaan

Jabatan	Bangunan	Perancang	Penguatkuasaan			Kewangan	Kesihatan	Jumlah
	Sek. 70(1) Akta JPB 1974 (Akta 133)	Sek. 19 Akta PBD 1976 (Akta 172)	UUK Pelesenan (MBJB) 2016	UUK Penjaja (MBJB) 2010	UUK Mencegah kekotoran (MBJB) 2004	PLJ (MBJB) 2003	Seksyen 82 Akta 171	
Kes Saman Dirujuk Ke Bhg Undang-Undang	2	6	68	0	19	0	0	95
Kes Saman Yang Telah Disediakan Dan Dirujuk Ke Mahkamah Untuk pendaftaran	0	3	43	1	0	0	0	46
Kes Saman Disebut/ Dibicara Di Mahkamah	0	3	19	1	0	0	0	23

Graf Laporan Kes Saman Yang Dirujuk, Didaftar Dan Disebut/Dibicara Bagi Tahun 2020



B) Khidmat Nasihat

i) Seksyen Bantuan Guaman Am (Hasil)

1. Tindakan Undang-undang Tunggakan Cukai Harta
2. Proses Pelelongan
 - Sitaan Cukai Harta
 - Rampasan
 - Penguatkuasaan
3. Ulasan dan Bantuan Guaman Untuk Jabatan Penilaian (Cukai Harta dan Pengurusan Harta)
4. Pelaporan & Penyelarasan PS/ISO/KPI
5. Pemegang Fail Prosedur Kualiti Lelong
6. Penyediaan draf perjanjian dan surat tawaran yang melibatkan peniaga dan premis-premis MBB di bawah Pengurusan Harta
7. Semakan Perjanjian kebenaran menduduki
8. Ulasan dan semakan PKM bagi premis Majlis untuk tindakan perundangan

Penyediaan Dan Semakan Perjanjian (Bahagian Pengurusan Harta)

Perkara	Status			
	Permohonan Terima	Lengkap Disediakan	Pulang Semula Untuk Pindaan	Dalam Tindakan
Permohonan penyediaan surat tawaran, perjanjian dan jaminan kebenaran menduduki (2020)	4	2	0	2
Semakan Perjanjian Kebenaran Menduduki (2020)	41 (Januari)		1 (Januari)	
	35 (Januari)	35(Februari)		
	1 (KBS)		1 (KBS)	
Semakan Jaminan Kebenaran Menduduki (2020)	35 (Januari)	35 (Januari)	0	0

- 1) Surat Tawaran Baru, Surat Tawaran Pembaharuan Dan Perjanjian Kebenaran Menduduki (2020)
- 2) Surat Tawaran Baru, Surat Tawaran Pembaharuan Dan Perjanjian Kebenaran Menduduki (Terminal)
- 3) Semakan Perjanjian Penyewaan KBS
- 4) Surat Tawaran Baru, Surat Tawaran Pembaharuan Dan Perjanjian Kebenaran Menduduki (Medan Niaga Kampung Melayu Majidi Dan Kompleks Pasar Setia Indah)

Perjanjian Kebenaran Menduduki Premis (Peguam Dan Unit Undang-Undang)

Peguam	Status			
	Jumlah pkm yang perlu disediakan	Lengkap disediakan dan perlu tandatangan peniaga (kini diuruskan unit undang-undang)	Selesai urusan stamping	Dalam tindakan penyediaan dokumen (majlis)
Ikbal Salam (Amna)	142	18	124	0
Abdul Raman Saad & Associates (Amna & Azraai)	156	80	76	0
Bahagian Pengurusan Harta	293	0	0	293
Tindakan Majlis				

Perjanjian Kebenaran Menduduki Premis (Peguam Dan Unit Undang-Undang)

Jabatan/Bahagian	Jumlah pkm yang perlu disediakan	Lengkap disediakan dan perlu tandatangan peniaga (kini diuruskan unit undang-undang)
Ulasan yang diterima dan telah diulas	8	1
Ulasan Yang Diterima Dan Belum Diulas	0	0

Laporan Acara Pelelongan Januari Hingga Disember 2020 Laporan Acara Pelelongan Bil 1/2020

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Sesi lelongan	Bil. 1/2020
2.	Tarikh acara pelelongan	26 Julai 2020
3.	Kategori barang	Barangan sitaan kesalahan Undang-undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 / Pindaan 2004
4.	Bilangan lot	305 lot (barang sitaan)
5.	Jurulelong	Tuan Haji Mohd Taib bin Abdul Samad Encik Rahim bin Abu (Bailif Majlis Bandaraya Johor Bahru)
6.	Jumlah hasil jualan (RM)	RM61,825.00 (Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus Sepuluh Sahaja) bagi barang-barang sitaan.

Laporan Kes Tunggakan Cukai Harta Dan Tunggakan Sewa Gerai Yang Diambil Tindakan Undang-Undang Tahun 2020

Kes tunggakan dirujuk kepada bahagian undang-undang	Cukai Harta	Tunggakan Sewa Gerai
Jumlah Kes/Tunggakan (Mahkamah)	16	0
Bilangan Kes Dirujuk Peguam Untuk Tindakan Undang-Undang.	Batch 1 - 71 Batch 2 - 368 Batch 3 - 1143 Batch 4 – 1764 Batch 5 – 282 Batch 6- 40 Batch 7 – 40	1
Bilangan Kes Dikeluarkan Notis Tuntutan	-SDA-	0
Bilangan Kes Dalam Proses Writ Saman	0	0

- ii) Seksyen penggubalan & penyelarasan penguatkuasaan undang-undang
1. Pengendalian kursus & lawatan.
 2. Penyediaan bahan rujukan serta nota latihan berkaitan undang undang
 3. Mengkaji , menyemak dan menggubal undang undang kecil , akta dan perintah perintah lalulintas
 4. Pewartaan perundangan/ pemberitahuan
 5. Sekretariat jawatankuasa teknikal kajian akta & undang undang kecil
 6. Perwakilan dan penurunan kuasa dan bekalan k ad kuasa
 7. Urusetia untuk perpustakaan unit undang undang
 8. Penyediaan be rkenaan ulasan dan semakan peruntukkan undang undang
 9. Menyemak & menyelarasa warta kerajaan

3. Mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang kecil/akta dan perintah-perintah lalulintas

Bil.	Undang-Undang Kecil/Akta/Perintah-Perintah Lalulintas	Status
1.	Draf Undang-Undang Kecil Kumpulan Wang Perkhidmatan (MBJB) 2020 (ISF)	Telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Kewangan & Perkara Am pada 28 Mei 2020
2.	Draf Undang-Undang Kecil Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (MBJB) 2020	Draf di dalam proses penggubalan. Penggubalan UUK ini juga telah dirujuk kepada Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan bagi pandangan lanjut.
3.	Perintah Tetap dan Senarai Jawatan Kuasa Tetap Majlis	Di dalam proses semakan pihak SUKT sebelum dimuktamdkan
4.	Draf Kaedah-Kaedah Pegawai (Kelakuan&Tatatertib)(Majlis	Pihak SUKT telah memberikan maklum balas melalui pandangan Pejabat LA. Draf dan pandangan tersebut juga telah dirujuk kepada JKP (Bahagian Sumber Manusia) bagi tindakan lanjut.
5.	Draf Kaedah-Kaedah Pegawai (Perlantikan, Kenaikan dan Penamatan Perkhidmatan)(Majlis)	
6.	Draf Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan (Majlis) 2020	Di peringkat semakan KPKT dan PBT Malaysia
7.	Draf Undang-undang Kecil Establisyment Makanan 1987	
8.	Draf Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing PBT 2020	Di peringkat semakan KPKT dan PBT Malaysia
9.	Draf UUK Lelong (MBJB) 2020	Draf telah dipersetujui oleh DB semasa pembentangan Mesyuarat DB bersama Ketua Jabatan pada 28 Jun 2020
10.	Draf UUK Tempat Penginapan Sementara (MBJB) 2020	Di dalam proses mendapatkan ulasan jabatan-jabatan
11.	Enakmen DBJB	Draf telah disemak oleh PUU & PU
12.	Enakmen Air Negeri Johor	Di dalam proses draf

4. Sekretariat jawatankuasa teknikal kajian akta & undang-undang kecil

Bil.	Undang-Undang Kecil/Akta/Perintah-Perintah Lalulintas	Tarikh	Tempat
1..	Mesyuarat Bagi Memperhalusi Draf Kaedah-Kaedah Pihak Berkuasa Tempatan (Tatatertib Dan Kelakuan) (MBJB), Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) (MBJB) Serta Lembaga Tatatertib Perkhidmatan (MBJB)	9/9/2020	Bilik Persidangan B, Aras 9, Unit Undang-undang, Menara MBJB, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru
2.	Mesyuarat Bagi Pemansuhan Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Mbjb) 2010 Berdasarkan Pandangan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	16/11/2020	Bilik Persidangan B, Aras 9, Unit Undang-undang, Menara MBJB, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru

5. Pewartaan Perundangan/ Pemberitahuan

Bil.	Undang-Undang Kecil/Akta/Perintah-Perintah Lalulintas	Status
1.	Terlibat di dalam penyelarasan Warta Kerajaan Negeri Johor untuk semakan Jabatan-Jabatan sebelum warta tersebut dapat diserahkan kepada YB Datuk Bandar warta berjilid yang telah siap dibuat penandaan.	Setiap bulan mengikut tarikh warta diterbitkan.
2.	Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBBJ (Pindaan) 2020	Telah diwartakan pada 24 September 2020
3.	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya MBBJ (Pindaan) 2020	Telah diwartakan pada 24 September 2020
4.	Undang-Undang Kecil Spa (MBJB) 2020	Telah diwartakan pada 24 September 2020
5.	Undang-Undang Kecil Taman (MBJB) 2020	Telah diwartakan pada 5 November 2020
6.	Pewartaan Kenderaan Buruk di bawah seksyen 116 Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan)	Telah diwartakan pada 24 September 2020

6. Lain-lain arahan yang diarahkan dari semasa ke semasa

Bil.	Perkara/Senarai Tugas
1.	Lawatan ke DBKL pada 1 – 2 Mac 2020
2.	Protokol Majlis Tandatangani MOU MBBJ bersama JKR di Dewan Inai Merah MBBJ pada 26 Februari 2020.
3.	Peserta bagi Program 'Litter Picking' Johor Bahru Siri Ke -3 di CIQ pada 16 Februari 2020
4.	Terlibat di dalam GIS (Geographic Information System bagi pewartaan nama nama jalan dan petak letak kereta MBBJ
5.	Terlibat di dalam Operasi Bancian Lesen pada 11-13 Jun 2020 di Zon Pelangi Indah.
6.	Terlibat di dalam persediaan slide bagi pembentangan Lawatan Exco Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Tuan Haji Ayub pada 28 Jun 2020 (Naiktaraf DBJB)
7.	Urusetia Acara Lelong MBBJ pada 26 Julai 2020 di Stor Mount Austin Johor Bahru.
8.	Terlibat di dalam penyediaan slide dan draf Enakmen Dewan Bandaraya Johor Bahru
9.	Menghadiri Mesyuarat Pegawai Perundangan PBT Negeri Johor pada 20 Julai 2020 di Majlis Perbandaran Segamat
10.	Mengadakan Mesyuarat draf Bagi Memperhalusi Draf Kaedah-Kaedah Pihak Berkuasa Tempatan (Tatatertib Dan Kelakuan) (MBJB), Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) (MBJB) Serta Lembaga Tatatertib Perkhidmatan (MBJB) pada 10 Ogos 2020.
11.	Mengadakan Perbincangan Penyelarasan Semakan Warta Kerajaan Negeri Johor diantara Bahagian Undang-Undang, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta dan Jabatan Perancangan dan Pembangunan pada 22 Julai 2020.
12.	Penyediaan Slide Perancangan Strategik Unit bagi tahun 2021-2025 pada 16/6/2020.
13.	Penyediaan dokumen Sistem Star Rating (SSR) bagi tahun 2019 hingga 2020
14.	Penyediaan draf Bajet Unit pada 31 Mei 2020
15.	Menyelaras Perbincangan di antara Pihak MBBJ Bersama Penasihat Undang-Undang Negeri Johor Berkaitan (Rectification Dokumen) Melalui Pewartaan bagi menyelesaikan Isu Pengurusan Tempat Letak Kereta yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara pada 17 Februari 2020.
16.	Menghadiri Mesyuarat bagi membincangkan isu-isu peniaga warga asing DI PBT Negeri Johor pada 13 Oktober 2020 jam 9.30 pagi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Kerajaan Tempatan).
17.	Menghadiri Mesyuarat bagi membincangkan Penawaran Khidmat Undang- Undang pada 13 Oktober 2020 jam 12.00 tengahari di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Kerajaan Tempatan).
18.	Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa dan Taklimat Pindaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) pada 19 Oktober 2020 jam 8.30 pagi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Kerajaan Tempatan).

7. Senarai Kertas Kerja yang Telah Dibentangkan Pada Tahun 2020

BiL	Tajuk/Perkara	Mesyuarat	Tarikh Dibentangkan
1.	Kertas Kerja Cadangan Menguatkuasakan Undang- Undang Kecil Kumpulan Wang Pekhidmatan Kemajuan (MBJB) 2020	Mesyuarat Kewangan Dan Perkara Am	25 Mac 2020

ii) Seksyen penggubalan & penyelarasan penguatkuasaan undang-undang

1. Pengendalian kursus & lawatan.
2. Penyediaan bahan rujukan serta nota latihan berkaitan undang undang
3. Mengkaji , menyemak dan menggubal undang undang kecil , akta dan perintah perintah lalulintas
4. Pewartaan perundangan/ pemberitahuan
5. Sekretariat jawatankuasa teknikal kajian akta & undang undang kecil
6. Perwakilan dan penurunan kuasa dan bekalan k ad kuasa
7. Urusetia untuk perpustakaan unit undang undang
8. Penyediaan be rkenaan ulasan dan semakan peruntukkan undang undang
9. Menyemak & menyelaras warta kerajaan

iii) Seksyen Bantuan Am (Aset Majlis)

1. Tuntutan Insurans Pihak Ketiga
2. Tuntutan Kerosakan Aset Majlis
3. Penyediaan dan semakan Perjanjian Aset Majlis di bawah Jabatan Pentadbiran
4. Tuntutan Sivil untuk Aset Majlis di bawah Jabatan Pentadbiran.
5. Semakan polisi insurans MBBB untuk sebarang kos tuntutan

iv) Seksyen Pentadbiran, Perjanjian Dan Bantuan Guaman Am (Penswastaaan)

1. Menguruskan draf perwartaan jalan jalan untuk dikuatkuasa bagi Perintah lalulintas Jalan
2. Memastikan penyediaan tempat letak kereta disedia kan dan diselenggara mengikut spesifikasi yang ditetapkan
3. Menguruskan penguatkuasaan petak letak kereta
4. Mengawal selia syarikat pengendali pengurusan tempat letak kereta MBBB
5. Mengurus tuntutan bayaran sewa kontrak tempat letak kereta
6. Mengu ruskan permohonan petak musim dan petak sementara
7. Menyediakan kertas kerja bagi di bawa ke JKPA
8. Menyediakan laporan laporan yang berlainan dengan Pengurusan tempat Letak Kereta
9. Menguruskan pengeluaran Pas Khas tempat letak kereta

Penyediaan Dan Semakan Perjanjian

Perkara	Selesai	Dalam Tindakan
Penswastaan	0	19
Perkhidmatan Sewa & Selenggara.	3	0
Sewaan	80	88
Penyelenggaraan	1	0
Serah Balik Kurnia Semula (Sbks)	0	1
Non-Disclosure Agreement (Nda)	1	0
Memorandum / Nota Persefahaman	8	5
Lain-Lain	12	4

Penyediaan Ulasan Tahun 2020

Semakan / Ulasan : Dokumen Perjanjian Piawai Perunding				
Perkara	Kejuruteraan	Arkitek	Ukur Bahan	Kajian
Jumlah Semakan / Ulasan	0	0	1	0

Semakan / Ulasan : Berkaitan Perundangan


Semakan / Ulasan : Dokumen Perjanjian Piawai Perunding			
Perkara	Penswastaan	Undang-undang & Penguatkuasaan	Lain-lain
Jumlah Semakan / Ulasan	27	0	1

Unit Audit Dalam

Latar Belakang

- Unit Audit Dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru telah ditubuhkan pada tahun 2000 berdasarkan panduan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Seterusnya, fungsi Audit Dalam telah dikemaskini melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan 1PP mulai 3 Julai 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju menimbalguna pekeling berkaitan pada 4 Mac 2015. Peranan dan tanggungjawab Audit Dalam di Pihak Berkuasa Tempatan dinyatakan pada PS3.1 Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi.
- Audit Dalam diberi kuasa di bawah Seksyen 110, 111 dan 140 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melalui perwakilan kuasa. Tujuan perwakilan kuasa ini adalah bagi membolehkan pemeriksaan secara fizikal dibuat terhadap premis perumahan, premis perniagaan dan kawasan lapang.


Bidang Tugas



Struktur Organisasi



Kedudukan Pemerhatian / Laporan Audit Tahun 2020



Unit Integriti

1.0 Pengenalan Unit Integriti

Penubuhan Unit Integriti di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) adalah dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam bertarikh 24 Julai 2013. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai Focal Point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Sehubungan itu, MBJB melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil 11/2016 telah BERSETUJU bahawa Unit Integriti ditubuhkan berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016 untuk melaksanakan 5 Fungsi berikut:-

(i) Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan

(ii) Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

(iii) Pengesanan dan Pengesahan

Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

(iv) Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

(v) Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

2.0 LAPORAN UNIT INTEGRITI

2.1 Laporan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) Tahun 2020

Pada tahun 2020 Aduan Integriti yang diterima adalah sebagaimana jadual di bawah iaitu hanya melalui SISPA. Oleh yang demikian semua aduan telah dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat dan tidak memerlukan JMM bersidang.

Statistik Aduan Integriti Bagi Bulan Januari Hingga Disember Tahun 2020					
Bil.	Saluran Aduan	Status Aduan			
		Diterima	Tindakan	Selesai	Tolak
1.	Melalui Online (www.mbjb.gov.my) (www.goo.gl/qEsZvd)				
2.	Melalui Gmail Integriti unitintegriti@mbjb.gov.my				
3.	Melalui SISPA Sistem Pengurusan Aduan MBBB	4	0	4	0
4.	Melalui Walk-In Datang Berjumpa Pegawai				
Jumlah Aduan		4	0	4	0

2.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Integriti Tahun 2020

Jawatankuasa Pemandu Integriti ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti, tindakan, perancangan, program dan pelaporan Unit Integriti MBBB. Urus setia kepada Jawatankuasa ini ialah Unit Integriti. Jawatankuasa akan bersidang setiap suku tahun (4 kali setahun). Keahlian Jawatankuasa ini adalah :

Datuk Bandar (Pengerusi Mesyuarat);
Ahlimajlis;
Setiausaha;
Timbalan Setiausaha;
Penasihat Undang-Undang;
Pegawai Khidmat Pengurusan;
Pegawai Kewangan;
Pegawai Integriti (Setiausaha Mesyuarat),
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan penularan pandemik Covid-19, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Integriti tidak dapat bersidang memandangkan Unit Integriti perlu memenuhi Jawatankuasa Anti-Rasuah dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang memerlukan auditan juga melibatkan pelaporan di peringkat daerah.

2.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat MBBJ Tahun 2020

PBT disyaratkan untuk melaksanakan Mesyuarat JAR ini sebanyak tiga (3) kali dalam setahun sepertimana yang Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018. Ini bermakna empat bulan sekali MBBJ perlu mengadakan Mesyuarat JAR sebagaimana dalam mesyuarat yang lepas telah dipersetujui Mesyuarat JAR, MBBJ akan diadakan pada bulan Mac, Julai dan November setiap tahun dan juga menghantar pelaporan isu JAR-PBT ke Unit Integriti SUKJ untuk dibawa ke JAR Daerah bagi pembentangan. Bagi tahun 2020 juga Mesyuarat JAR Peringkat MBBJ telah bersidang sebagaimana jadual di bawah:

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Tempat	Tarikh Menghantar Pelaporan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat MBBJ Bil. 1/2020	01 Julai 2020 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 14, Menara Mbjb	24 Ogos 2020 (Isnin)
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat MBBJ Bil. 2/2020	08 September 2020 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 14, Menara Mbjb	25 Oktober 2020 (Ahad)
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat MBBJ Bil. 3/2020	08 November 2020 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 14, Menara Mbjb	29 November 2020 (Rabu)

2.4 Laporan Pengurusan Risiko MBBJ Tahun 2020

Unit Integriti telah diberi tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai urusetia Pengurusan Risiko MBBJ. Antara peranan Unit Integriti dalam skop dan bidang tugas ini adalah:

- (i) Menyelenggara Pelan Pengurusan Risiko yang disediakan oleh semua Bahagian;
- (ii) Membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam pemantauan tindakan ke atas risiko dan peluang yang telah diluluskan bagi tujuan pelaporan kepada MKSP dan
- (iii) Merangka dan melaksanakan program kesedaran dan latihan bagi meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan risiko di kalangan warga MBBJ. Walaubagaimana pun, pada tahun 2020 Pelan Pengurusan Risiko hanya dapat dipantau sebanyak 2 kali kerana kekangan waktu akibat pandemic Covid-19

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Tempat
1.	Mesyuarat Pengurusan Risiko MBBJ Bil. 1/2020	27.04.2020	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 14, Menara Mbjb
2.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MBBJ (MKSP) Bil. 1/2020	29.11.2020	Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 14, Menara Mbjb

2.5 Laporan Aktiviti Unit Integriti Tahun 2020

a) Laporan Aktiviti Pengukuhan Integriti

Antara program Pengukuhan Integriti yang dilaksanakan adalah seperti Job Rotation, Taklimat SPRM/ Seminar Integriti/ Pengedaran Risalah.

(i) Job Rotation

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2004 : Panduan Pertukaran Pegawai Awam yang mana ia bertujuan menjelaskan urusan pertukaran pegawai awam supaya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam. Pertukaran dapat membantu memperkaya dan memperluaskan tugas (job enrichment and job enlargement) kepada pegawai dan boleh menyumbang ke arah peningkatan produktiviti seseorang pegawai dan seterusnya organisasi tempat mereka berkhidmat.

MBJB telah melaksanakan Job Rotation keatas 97 orang anggota yang terdiri daripada anggota sokongan dan pengurusan bagi mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah dan juga memberi peluang kepada pegawai mendapatkan tugas yang sesuai dengan minat, kebolehan, latihan dan pengalaman mereka supaya mereka dapat mencapai penghasilan kerja yang maksimum.

(ii) Taklimat SPRM/Seminar Integriti.

Pada tahun ini Unit Integriti hanya dapat melaksanakan satu program integriti sebagaimana di bawah:

Bil.	Program	Tarikh	Jabatan/Agensi Terlibat	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Tumbuk Rusuk Duit Panadol, Pengkisahan Dari Tirai Besi	10.05.2020	Mohd Firdaus bin Ramlan Pengurus/ Speaker CJ Global Venture (Bekas Majisteret di Mahkamah Majistret Gua Musang, Kuala Kerai dan Machang Kelantan)	Dewan Kenanga, Aras 2, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.	Seramai 250 orang peserta yang dijemput telah menghadiri program ini. Pecahan peserta adalah sebagaimana berikut: Pengurusan Tertinggi : 3 Orang Pengurusan & Profesional : 72 orang Penyelia & Teknikal : 175 orang Urusetia : 5 Orang

(iii) Pengedaran Risalah

Unit Integriti bertanggungjawab bagi mengadakan aktiviti promosi kerana ia merupakan komponen penting dalam mengembang dan menyampaikan maklumat sesebuah organisasi. Antara pengedaran risalah yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Program	Tarikh	Jabatan/Agensi Terlibat	Gambar/Dokumen
3.	Edaran Poster Pengukuhan Integriti 1/2020 -Salah Guna Kuasa	9 Februari 2020	MBJB	

b) Laporan Aktiviti Meningkatkan Tahap Integriti

Antara aktiviti meningkatkan tahap integriti yang dilaksanakan oleh MBJB adalah dengan menguatkuasakan Pemilikan Dan Pengisytiharan Harta Oleh Pegawai-Pegawai Awam Di Bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993. Dibawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1999 yang mana ia berkehendakkan :

- (i) Pegawai awam selain daripada mereka yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan, dikehendaki membuat pengisytiharan harta mereka sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh masa lima (5) tahun. 4.
- (ii) Pegawai awam yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dikehendaki membuat pengisytiharan harta semasa mula-mula memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dan selepas itu diikuti tiap-tiap tiga (3) tahun sekali sepanjang tempoh beliau memegang jawatan Ketua Jabatan berkenaan. Sekiranya semasa mula-mula memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan, pegawai telah mengisytiharkan kesemua hartanya dan tiada apa-apa perubahan terhadap pemilikan harta berkenaan. Berikut adalah ringkasan perisytiharan harta anggota MBJB yang berakhir pada tahun 2019

Bahagian Sistem Maklumat Geografi (GIS)



Penaafian: Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.

Halaman Cipta Terbitan: © 2020 Majlis Bandaraya Johor Bahru.

09222

Portal GeoJB

Portal GeoJB dibangunkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai pengurus bandar. Ia boleh diakses menerusi laman web www.geojb.gov.my mulai Ogos 2020.

Portal ini menggabungkan data daripada pelbagai jabatan dalaman MBBJ serta pelbagai data lain yang berasaskan web. Portal ini juga diintegrasikan dengan Sistem Penilaian dan Pelesenan MBBJ di mana data dari system e-pbt ini boleh ditunjukkan berdasarkan lokasi dengan menggunakan koordinat sebagai rujukan di dalam Portal GeoJB. Data dipamerkan dalam bentuk reruang (spatial), jadual (atribut) dan juga dashboard iaitu ringkasan data yang telah dianalisis.


Portal GeoJB juga merupakan salah satu inisiatif Bandar Pintar dan juga bandar Berdaya Tahan (Resilient City). Pelan Pengurusan Spatial Rancangan Fizikal Negara Ke 3 2016-2020 mensasarkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kaedah pemantauan bandar yang berkesan iaitu Urban Observatory di mana Portal GeoJB memenuhi kriteria ini.

Portal GeoJB diterajui oleh Bahagian Sistem Maklumat Geografi, Pejabat Setiausaha, MBBJ. Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa dan dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan dua orang anggota pentadbiran.

GeoJB Memenuhi Aspirasi Negara Dan Pentadbir Bandar

Pembangunan yang pantas di kawasan bandar memerlukan pengurus bandar untuk menjadi lebih cekap dalam penyampaian sistem dan sistem sokongan untuk membuat keputusan bagi memastikan tadbir urus yang baik. Rancangan Fizikal Negara 3 2016-2020 memberi penekanan kepada pembangunan dan perancangan mampan sebagai prinsip utama dalam mencapai negara yang berdaya tahan pada tahun 2040.

Keputusan efisien oleh pentadbir bandar dapat dibuat apabila capaian dan analisis data yang pantas dapat dilakukan. Untuk memastikan kebolehcapaian data yang baik, Sistem Maklumat Geografi (GIS) menjadi salah satu penyelesaian untuk pengurus bandar. Pada akhir tahun 2019, Majlis Bandaraya Johor Bahru memulakan era baru membangunkan GIS menggunakan konsep GIS Enterprise. Portal GeoJB boleh diakses menerusi desktop, tablet dan telefon pintar pada bila-bila masa, di mana sahaja dengan konsep asas web tanpa memuat turun sebarang perisian. Ia juga merupakan Urban Observatory iaitu Pusat Pangkalan Data Bersepadu yang berasaskan reruang untuk MBBJ sebagai pentadbir bandar sebagaimana aspirasi Rancangan Fizikal Negara Ke 3.



Konsep Malaysian Urban Observatory dalam Rancangan Fizikal Negara ke-3 2016-2020

Pembangunan Portal Dan Struktur Data


Portal GeoJB telah dibangunkan dalam tempoh 8 bulan bermula pada penghujung tahun 2019 dan ia berada dalam talian pada Ogos 2020. Bahagian Sistem Maklumat Geografi, Majlis Bandaraya Johor Bahru ditubuhkan pada Oktober 2019 yang diletakkan di bawah Setiausaha MBBJ sebagai penggerak program. Sebuah kumpulan pemikir juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Setiausaha MBBJ dan dianggotai oleh ahli-ahli dari Bahagian Sistem Maklumat Geografi dan Teknologi Maklumat, MBBJ. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang merupakan dua PBT telah dilawati oleh kumpulan pemikir untuk mendapatkan idea dan mempelajari pengalaman Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mempunyai Portal GIS.

Penggunaan jenis perisian yang akan digunakan telah mendapat persetujuan Bahagian Teknologi Maklumat Negeri Johor. Kajian Keperluan Pengguna (User Requirement Study) diselaraskan dengan semua jabatan dan bahagian di MBBJ. URS dijalankan sebelum pembangunan portal bertujuan mendapatkan idea untuk merekabentuk portal termasuk klasifikasi data, keselamatan data, perkongsian data, dan antara muka.

Data sedia ada daripada unjuran Cassini telah diubah ke unjuran WGS 84. Data sedia ada distruktur semula ke dalam struktur pangkalan data baru yang mencerminkan semua fungsi utama Majlis Bandaraya Johor Bahru. Proses pembangunan dan memurnikan data dijalankan oleh kakitangan dalaman Majlis Bandaraya Johor Bahru dan dipantau oleh Setiausaha MBBJ. Proses ini melibatkan lebih daripada 100 orang pembekal data, 25 orang yang memasukkan data dan 6 orang bantuan teknikal Teknologi Maklumat. Sehingga Disember 2020, Portal GeoJB mempunyai 73 lapisan data yang boleh di lapiskan untuk membuat pelbagai analisis.

Struktur Data Portal GeoJB 2020

1. SEMPADAN PENTADBIRAN	2. FASILITI MBJB		3. KEMUDAHAN AWAM	4. INFRASTRUKTUR
1.PLOT TANAH 2.SEMPADAN KAWASAN MBJB 3.AHLI MAJLIS 4.SEMPADAN MUKIM 5.SEMPADAN PARLIMEN 6.SEMPADAN DUN 7.TAMAN PERUMAHAN/ KAWASAN 8.JALAN TAMAN PERUMAHAN 9.JALAN NEGERI/ PERSEKUTUAN 10.NAMA BANGUNAN	11. PEJABAT CAWANGAN MBJB 12. PERPUSTAKAAN AWAM 13. TAMAN AWAM MBJB 14. RUMAH SEWA MBJB 15. GERAJ 16. DEWAN 17. PASAR AWAM 18. ANJUNG SELERA 19. ARKED 20. ATRIUM 21. AUDITORIUM	22. BAZAR 23. BENGKEL 24. FUTSAL 25. KEDAI 26. KHEMAH TENSIL 27. KIOSK 28. KOMERSIL 29. MEDAN NIAGA 30. PASAR 31. TERMINAL	32. KEAGAMAAN 33. KESIHATAN 34. KEMUDAHAN MASYRAKAT 35. PENDIDIKAN 36. BALAI POLIS	37. PONDOK TEKSI 38. PONDOK BAS 39. LAMPU ISYARAT 40. JEJANTAS 41. FEEDER PILLAR LAMPU JALAN 42. LAMPU JALAN 43. PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN
5. PERNIAGAAN	6. WIFI JOHOR	7. CCTV	8. AGENDA TEMPATAN 21	9. SALIRAN
44. PASAR MALAM DAN PAGI 45. PASARAYA	46. WIFI	47. CCTV	48. JAWATANKUASA PENDUDUK 49. KEBUN KEJIRANAN	50. SUNGAI/ PARIT UTAMA 51. TEBATAN BANJIR 52. ZON BANJIR
10. PEMBETUNGAN	11. DENGGI	12. TEMPAT LETAK KERETA	13. RANCANGAN TEMPATAN	14. MAKLUMAT PEMBANGUNAN
53. LOJI RAWATAN KUMBAHAN 54. RUMAH PAM	55. KES DENGGI 2020	56. EJEN JUALAN KUPON TEMPAT LETAK KENDERAAN 57. STATUS PEWARTAAN TEMPAT LETAK KENDERAAN BERBAYAR	58. GARIS PANDUAN PERANCANGAN MENGIKUT BLOK PERANCANGAN KECIL 59. GUNATANAH SEMASA 60. GUNATANAH KOMITED 61. GUNATANAH CADANGAN	62. KEBENARAN MERANCANG 63. PELAN BANGUNAN 64.KERJA TANAH
15. PENGURUSAN SISA PEPEJAL	16. PELESENAN (INTEGRASI DARI SISTEM PELESENAN e-PBT)	17. CUKAI TAKSIRAN (INTEGRASI DARI SISTEM CUKAI)	18. BANGUNAN	19. PESURUHJAYA BANGUNAN
65.. SERAHAN KAWASAN KUTIPAN SAMPAH	66. LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN	67. CUKAI HARTA	68. CFO/CCC 69. SISTEM STRUKTUR PEMANCAR	70. SKIM STRATA
20. PENGUATKUASAAN	21. INVENTORI POKOK (DATA DARI SISTEM e-POKOK)	22. LOT JUPEM		
71. SITAAN	72. POKOK AMENITI	73. LOT TANAH JUPEM		




Semakan Kelulusan Pelan Pemajuan



Pengurusan Sisa Pepejal



Pemantauan Proses Pemajuan



Jalan – Untuk Orang Awam Hanya Memaparkan Nama Jalan Manakala Untuk Kegunaan Dalaman, Memaparkan Data Yang Lengkap Berknaan Jalan



Pengeluaran Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC)

Integrasi Sistem e-PBT Ke Portal GeoJB

Penilaian dan pelesenan merupakan dua teras utama bagi pengurus bandar. Hasil cukai menyumbang 70 peratus bersamaan RM309,059,731.79 daripada pendapatan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 2019. Hasil bukan cukai bagi pelesenan adalah RM 28,683,580.62 mewakili 6.5 peratus daripada jumlah pendapatan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 2019. Walaupun pelesenan tidak sebanyak hasil penilaian, pelesenan adalah perkhidmatan teras bagi pengurus bandar yang dekat dengan hati rakyat yang juga membantu menjana ekonomi bandar. Dengan justifikasi itu, MBBB memutuskan untuk menghubungkan sistem penilaian dan pelesenan sedia ada kepada Portal GeoJB. Proses pembersihan data dan geocoding dijalankan pada data penilaian dan pelesenan dalam sistem e-pbt sebelum konfigurasi kedua-dua sistem dijalankan.

Integrasi sistem membolehkan data penilaian dan pelesenan dihantar ke server GIS setiap malam. Manfaat integrasi data sedia ada daripada sistem sedia ada (e-pbt) ke dalam Portal GeoJB adalah untuk mengelakkan pertindihan kemasukan data. Ia juga menjimatkan masa, kos dan tidak mengganggu tugas harian dalam sistem penilaian dan pelesenan sedia ada. Dan hasilnya, set data yang sama boleh dianalisis dan diterjemahkan di Portal GeoJB.



Dashboard Penilaian – Status Kutipan dan Tunggakan Cukai Taksiran



Dashboard Pelesenan – Status Semasa Pelesenan


Portal GeoJB Sebagai Kaedah Urban Observatory



Pada 21 Disember 2020, Iskandar Malaysia telah menganjurkan forum Iskandar Malaysia Urban Observatory. MBBJ telah dijemput untuk menyampaikan taklimat kepada peserta secara hybrid fizikal dan online bertempat di Hotel Double Tree Hilton. Portal GeoJB telah diiktiraf memenuhi maksud Urban Observatory pada peringkat pentadbir bandar. Portal ini juga telah dimendapat perhatian YAB Menteri Besar Johor dan YAB telah berbesar hati untuk merasmikan Portal GeoJB.



Portal GeoJB Roadmap



Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

A- Pengenalan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan

Berkuatkuasa April 2007, undang-undang berkaitan penyenggaraan harta bersama bagi bangunan bertingkat telah diperkenalkan iaitu Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Negeri Kerajaan Tempatan (MNKT), Datuk Bandar atau Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan bagi kawasan pentadbirannya. Pesuruhjaya Bangunan adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam akta ini.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan dan telah diwartakan melalui perisytiharan Warta J.P.O 24 & J.P.O 25 bertarikh 13 September 2007. Melalui pewartaan ini, fungsi MBJB di Bahagian Pesuruhjaya Bangunan tertumpu untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama bangunan bertingkat dalam kawasan pentadbirannya. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan juga merupakan pihak yang akan mengesahkan dan mengeluarkan sijil kepada badan yang ditubuhkan di bawah Akta 663 iaitu Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body).

Walaupun, Akta 663 ini telah dikaji semula dan ditambahbaik kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Dimaklumkan bahawa Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Selain itu, turut dimaklumkan bahawa tarikh kuatkuasa Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 [PPPS 2015].

Sebagaimana arahan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui surat rujukan KPKT.800-1/1/2 (11) bertarikh 22 September 2015 supaya Pihak Berkuasa Negeri melantik Pesuruhjaya Bangunan(COB), Timbalan COB dan Pegawai COB bagi tujuan mentadbir serta menjalankan peruntukan Akta 757 dan pemberitahuan pelantikan tersebut hendaklah diwartakan melalui perisytiharan Warta No. 2657 bertarikh 25 Mei 2017.

B- Fungsi Utama Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MBJB :

- 1) Memastikan setiap kawasan pemajuan bangunan bertingkat dalam kawasan pentadbiran MBJB mempunyai badan pengurusan.
- 2) Memperakui dan mengeluarkan sijil bagi penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB).
- 3) Menyelaraskan aduan dan pertikaian yang timbul antara pembeli / pemilik / pemaju / Pihak Pengurusan bangunan bertingkat.
- 4) Menguatkuasakan dan mentadbir peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757) dan Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata (Akta 318) serta Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015 (PPPS 2015).
- 5) Mewujud dan menyelenggara pangkalan data berkaitan bangunan bertingkat dalam kawasan pentadbiran MBJB.
- 6) Mengadakan taklimat dan sesi dialog bersama penduduk strata dengan kerjasama Ahli Majlis.

C-Senarai Tugas Utama Pesuruhjaya Bangunan

- 1. Menyediakan inventori kawasan pemajuan.
 - a. Daftar Profil Kawasan Pemajuan
- 2. Memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta757 dan Bahagian VI dan VII Akta 318.
 - a. Penubuhan JMB/Panggilan Mesyuarat Pertama JMB.
 - b. Panggilan Mesyuarat Pertama JMB Oleh Seseorang Jika Pemaju Gagal.
 - c. Panggilan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MC.
 - d. Panggilan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MC Oleh Seseorang Jika Pemilik Asal Gagal.
 - e. Pendaftaran dan Perakuan JMB.
 - f. Pemfailan jadual petak.
 - g. Perlantikan Ejen Pengurusan.
 - h. Penamatan Perkhidmatan Ejen Pengurusan.
 - i. Penyerahan dan Semakan Akaun Penyenggaraan Bangunan/Akaun Perbadanan Pengurusan.
 - j. Pertikaian Berhubung APB/”Sinking Fund”.
 - k. Penyerahan, penggunaan dan pemulangan deposit pemaju.
 - l. Perlantikan Juruaudit.
 - m. Pembubaran JMB.
- 3. Menyelaraskan aduan-aduan.
 - a. Pengurusan/Pentadbiran JMB/JMC/MC.
 - b. Kewangan dan Akaun.
 - c. Penyenggaraan Bangunan dan Harta Bersama.
- 4. Membantu dalam menjalankan pendakwaan dan penguatkuasaan.
 - a. Prosedur Penahanan dan Lelongan Harta Alih.
 - b. Prosedur Pendakwaan.


D- Pegangan Harta Berstrata / Bertingkat

Data kawasan pemajuan harta strata meningkat setiap tahun. Sehingga Disember 2019, terdapat 1,088 kawasan pemajuan harta berstrata telah dikenalpasti berada di bawah pentadbiran MBBJ. Jumlah unit/petak yang terdapat dalam kawasan pemajuan tersebut dianggarkan berjumlah 179,513 petak yang merangkumi unit kediaman dan perdagangan.

Jadual 1 : Bilangan Petak Harta Strata Mengikut Zon MBBJ Bagi Tahun 2016 Sehingga 2020

Tahun	Zon MBBJ				Jumlah Keseluruhan
	Bandar	Tebrau	Pulai	Plentong	
2016	47,090	36,010	6,591	39,152	128,843
2017	48,685	40,958	6,364	41,198	137,205
2018	54,941	47,003	6,757	41,374	150,075
2019	60,288	51,928	6,757	45,514	164,487
2020	68,053	57,926	6,759	46,775	179,513

Carta 1: Jumlah Kawasan Pemajuan Berdasarkan Bilangan Petak Mengikut Zon Bagi Tahun 2016 Hingga 2020




Carta 1 menunjukkan bahawa bilangan petak kawasan pemajuan bertambah setiap tahun dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Peratusan peningkatan ini dapat dilihat dari tahun 2019 hingga tahun 2020 bagi Mukim Bandar sebanyak 4.3%, Mukim Tebrau sebanyak 3.3%, Mukim Pulai sebanyak 0.01% dan Mukim Plentong sebanyak 0.7%.


Jadual 2 : Bilangan Kawasan Pemajuan Strata Mengikut Zon MBBJ Bagi Tahun 2016 Sehingga 2020

Tahun	Zon MBBJ				Jumlah Keseluruhan
	Bandar	Tebrau	Pulai	Plentong	
2016	138	524	92	104	858
2017	147	614	92	106	959
2018	159	638	95	114	1,006
2019	164	693	97	122	1,076
2020	173	696	97	122	1,088

Carta 2 : Kawasan Pemajuan Strata mengikut Zon bagi Tahun 2016 hingga 2020



Carta 3 : Perbandingan Kawasan Pemajuan Berdasarkan Bilangan Petak Mengikut Zon Bagi Tahun 2016 hingga 2020



STATUS PENGURUSAN

Status pengurusan harta strata ditentukan berdasarkan status permohonan strata yang dikemukakan oleh pemilik asal / pemaju kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Johor sebagaimana berikut :

- a) Bagi kawasan pemajuan yang siap sebelum 12 April 2007 (tarikh kuatkuasa Akta 663) tetapi permohonan strata belum dibuat, pihak COB perlu memastikan bahawa Badan Pengurusan Bersama - Joint Management Body (JMB) ditubuhkan bagi kawasan pemajuan tersebut. Dalam masa yang sama, permohonan strata perlu dimohon oleh pemilik asal / pemaju dan apabila pindahmilik strata mencapai 25%, maka pemilik asal / pemaju perlu memanggil mesyuarat pertama bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan - Management Corporation (MC). JMB akan terbubar secara rasminya tiga (3) bulan selepas mesyuarat agung pertama penubuhan MC.
- b) Bagi kawasan pemajuan yang telahpun memohon strata sebelum penguatkuasaan Akta 663, pihak COB perlu memastikan pemilik asal / pemaju memanggil mesyuarat bagi penubuhan MC apabila pindahmilik strata telah mencapai 25%.
- c) Setelah Akta 757 dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Pihak COB perlu memastikan bahawa :-
 - i. Jika milikan kosong diserahkan sebelum permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta; atau
 - ii. Jika milikan kosong diserahkan selepas permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong.


Jadual 3 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Kawasan Pemajuan Bagi Tahun 2016 Hingga Disember 2020

Status Pengurusan	Bilangan Kawasan Pemajuan				
	2016	2017	2018	2019	2020
JMB	87	86	116	120	122
MC	149	149	148	170	172
Pemaju	540	625	564	783	227
Tidak dapat ditubuhkan	82	99	178	3	3
Jumlah Keseluruhan	858	959	1006	1076	1088

Jadual 4 : Status Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Bilangan Petak Bagi Tahun 2016 Hingga Disember 2020

Status Pengurusan	Bilangan Kawasan Pemajuan				
	2016	2017	2018	2019	2020
JMB	27,165	25,844	48,663	62,280	63,374
MC	35,064	36,011	34,871	42,686	43,246
Pemaju	64,175	72,877	65,424	58,754	71,008
Tidak dapat ditubuhkan	2,439	2,473	1,117	767	767
Jumlah Keseluruhan	128,843	137,205	150,075	164,487	179,513

Carta 4 : Peratusan Pengurusan Strata Bagi Tahun 2020



Sehingga Disember 2020, daripada 179,513 jumlah petak kawasan pemajuan, 294 kawasan pemajuan atau kira-kira 61.64% daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan telah berjaya menubuhkan badan pengurusan sendiri iaitu sama ada JMB atau MC. Manakala selebihnya iaitu kira-kira 227 kawasan atau 37.27% kawasan pemajuan masih dalam pengurusan pemaju termasuk kawasan pemajuan baru yang belum mendapat CCC dan 3 kawasan atau 0.47% kawasan pemajuan tidak dapat ditubuhkan disebabkan pemaju mengalami kebangkrutan dan tidak dapat dikesan. Selain itu, peningkatan kawasan pemajuan strata di bawah pengurusan pemaju disebabkan pemajuan yang melibatkan Rumah Bandar atau lebih dikenali sebagai Townhouse.

STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK

Pengenalan Jadual Petak

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta A1450) telah digubal berikutan arahan Ketua Setiausaha Negara agar proses pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata dipercepatkan melalui keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbangkalai pada 2009. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Jun 2010 telah meluluskan konsep baru pengeluaran hakmilik strata serentak dengan pemilikan kosong (vacant possession) yang membawa kepada pewartaan Akta A1450 pada 7 Februari 2013 manakala Akta 757 pula diwartakan pada 8 Februari 2013.


Pelaksanaan Akta 757 dan Akta A1450 yang selari akan menyebabkan perubahan dari segi aliran kerja meliputi tatacara permohonan, pengukuran, penyediaan pelan dan semakan pecah bahagi bangunan atau tanah. Di antara intipati utama Akta sebelum penjualan mana-mana petak sepertimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 6, Akta 757 sebagai usaha kawalan pra-permohonan hakmilik strata. Manakala intipati utama Akta A1450 pula adalah usaha memendekkan tempoh masa pengeluaran hakmilik strata melalui syarat permohonan wajib di peringkat struktur utama dicapai (super structure stage) dan keperluan pengeluaran sijil cadangan pelan strata (certificate propose strata plan – CPSP) oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

Jadual Petak merupakan satu dokumen kawalan penting yang perlu disediakan oleh Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan transaksi di antara pihak pemaju dan pembeli itu telus serta memastikan hakmilik strata dikeluarkan serentak dengan pemilikan kosong (vacant possession).

Statistik Pemfailan Jadual Petak Kepada Bahagian COB Bagi Tahun 2019

MUKIM	Bilangan Petak
Johor Bahru	14,297
Pulai	1,133
Tebrau	13,716
Plentong	2,702
Jumlah	31,848


Statistik Bilangan Petak Yang Difaikkan Pada 2019



Statistik Pemfailan Jadual Petak Kepada Bahagian COB Bagi Tahun 2020

MUKIM	Bilangan Petak
Johor Bahru	2,815
Pulai	0
Tebrau	7,654
Plentong	3,452
Jumlah	13,921

Statistik Bilangan Petak Yang Difailkan Pada 2020



Penyelarasan Aduan

Bahagian COB turut berperanan sebagai penyelarasan aduan berkenaan pengurusan bangunan strata yang diterima dari pemilik petak, pemaju dan badan pengurusan. COB akan bertindak sebagai perantara dalam pertikaian yang berkaitan dengan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) dan hal-hal pengurusan harta bersama. Sehingga Disember 2020, sebanyak 1,184 aduan dari pelbagai pihak berkaitan pengurusan bangunan strata telah pun diterima.

Jadual 5 : Bilangan Aduan Mengikut Jenis Yang Diterima Sepanjang Tahun 2020

2012001

Page: 2001/200

Terdapat 6 aduan utama berkenaan pengurusan bangunan berstrata iaitu :

- i) Aduan berkenaan mesyuarat pertama JMB dan pemilihan AJK.
- ii) Aduan berkenaan pentadbiran dan pengurusan Pemaju / Badan / Ejen.
- iii) Aduan berkenaan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama.
- iv) Aduan berkenaan isu kewangan termasuk caj penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas dan Akaun Penyenggaraan Bangunan.
- v) Aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan COB.
- vi) Aduan melibatkan penguatkuasaan COB di bawah peruntukan Akta dan lain-lain.

Aktiviti COB Tahun 2020



Seminar Pengurusan Strata 2019 anjuran Bahagian COB dengan kerjasama PEPAM pada 27 Januari 2019



Sesi Town hall bersama Datuk Bandar bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Zon Cempaka pada 9 Februari 2020



Sesi Town Hall bersama Datuk Bandar bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Zon Larkin pada 23 Februari 2020



Sesi Town hall bersama Datuk Bandar bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Zon Taman Molek pada 8 Mac 2020



Program pengagihan facemask dan bantuan keperluan harian semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 di sekitar Rumah Pangsa Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di bawah pentadbiran COB MBBJ dengan kerjasama pasukan LA21, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBBJ.



Penglibatan COB MBBJ dalam program Search & Destroy bersama-sama Jabatan Kesihatan MBBJ di Taman Setia Indah dan Rumah Pangsa Bukit Mutiara, Johor Bahru



Lawatan Kerja Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Pn Hajah Zuraidah Binti Kamaruddin di Rumah Pangsa Orkid, Johor Bahru pada 6 Julai 2020



Taklimat Tanggungjawab Perbadanan Pengurusan (MC) di dalam Program gotong-royong 'Search & Destroy Norma Bahru' di Pangsapuri Kasturi, Johor Bahru pada 5 September 2020



Lawatan Kerja Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Tuan Haji Ayub Bin Jamil di Rumah Pangsa Orkid Johor Bahru pada 16 Ogos 2020



Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Desa Belantik pada 2 Oktober 2020



Sesi Town hall bersama Datuk Bandar bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Zon Tebrau & Plentong pada 23 Ogos 2020



Bengkel Penyediaan Kertas Siasatan & Tindakan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 Siri 2 anjuran Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan pada 6 – 8 Oktober 2020 bertempat di Majlis Bandaraya Johor Bahru



Sesi Town hall bersama Datuk Bandar bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Zon Tebrau & Plentong pada 23 Ogos 2020

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Matlamat

Memendekkan norma masa memproses permohonan cadangan pemajuan secara serentak sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Fungsi Utama

- a. Menyelaras dan memudahcara proses kelulusan permohonan;
 - i. Kebenaran Merancang;
 - ii. Pelan Bangunan;
 - iii. Pelan Kerja Tanah;
 - iv. Pelan Jalan dan Parit; dan
 - v. Pelan-pelan yang berkaitan cadangan pemajuan
- b. Memendekkan norma masa dan mudah cara proses permohonan; dan
- c. Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan-permohonan pemajuan dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan dibawah:
 - i. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56);
 - ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); dan
 - iii. Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Peranan dan Tugas Utama

1. **Menyelaras Dan Memantau Permohonan Cadangan Pemajuan**
 - i. Menerima dan menyemak permohonan;
 - ii. Mengedar permohonan kepada agensi untuk diproses dan ulasan;
 - iii. Memantau status permohonan melalui portol OSC; dan
 - iv. Menyelaras permohonan bagi pertimbangan Jawatankuasa Pusat Setempat.
2. **Mengurusetia Jawatankuasa Pusat Setempat (Osc)**
 - i. Menyelaras agenda dan keperluan mesyuarat;
 - ii. Menyelaras kertas perakuan permohonan pelan pemajuan, kertas dasar, kertas pemakluman dan lain-lain kertas kerja berkaitan;
 - iii. Menyelaras maklumbalas perkara-perkara berbangkit; dan
 - iv. Menyediakan laporan status/rekod permohonan berdasarkan ISO dan piagam pelanggan.
3. **Memaklumkan Keputusan Kelulusan Permohonan Cadangan Pemajuan Kepada Pemohon**
4. **Menyediakan Pelaporan Berkala Kepada Pihak JKT**

Pertukaran Sistem



Mulai digunapakai sejak tahun 2016 hingga kini.



Penambahbaikan meliputi track history permohonan, pembayaran secara atas talian, pengemukakan proses CCC, kawalan penerimaan ulasan oleh jabatan teknikal, kecekapan proses hingga ke peringkat endorsement.

Perbezaan OSC 3.0 dan OSC 3.0 Plus



Pencapaian 2020 : Jumlah Keseluruhan Penerimaan Permohonan Di Kaunter Unit Pusat Setempat (OSC), MBBJ.

JENIS PERMOHONAN	2018	2019	2020
KM+PB+Infra	8	23	20
KM+PB	46	65	11
PB+Infra	3	30	61
Kebenaran Merancang	68	70	20
Pelan Bangunan	92	184	61
Pelan Landskap	67	52	39
Infra (Kejuruteraan)	230	194	104
Struktur Sistem Pemancar	41	15	7
Permit Sementara	151	131	75
Ubahan Tambahan	901	800	837
CFO	-	-	38
CCC	128	117	66
Papan Iklan	17	24	16
KSS	115	125	89
Jumlah	1867	1830	1444

Pencapaian 2020 : Bil Permohonan Dan Selesai Mengikut Jenis Permohonan Bagi Tahun 2020

Portal OSC One Stop Center
http://www.epbi.gov.my/osc/

Selamat Datanya RUMAH BANGSA (J&S) | (New) | 76212701 5000 | E-mail : raly76@gmail.com
 Bahasa : [Bahasa Melayu](#) [Bahasa Ingles](#) [Bahasa Cina](#) | [Kategori](#) [Statistik](#) [Peraturan](#) [Pendaftaran](#) [Lupa Kata Laluan](#) [Tentang](#)

UTAMA **Projek** **Carian** **Laporan** **Statistik** **Parameter** **Bantuan**

Bilangan Permohonan dan Selsai mengikut Jenis Permohonan dan Tempoh Plagam di Majlis Bandaraya Johor Bahru dari tarikh 01 JANUARY 2020 hingga 31 DECEMBER 2020 --

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	* Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selsai* (a) = b + c + d	Selsai* Dalam Plagam (b)	Selsai* Melangka Plagam (c)	** Tempoh Tidak Dapat Diambilkan (d)
Permohonan Sederok	10	0 (0.00%)	10 (100.00%)	10 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Kebudayaan Melayang	26	0 (0.00%)	26 (100.00%)	22 (84.62%)	2 (7.69%)	0 (0.00%)
Palan Kejuteraan	88	0 (0.00%)	88 (100.00%)	79 (89.78%)	7 (7.95%)	0 (0.00%)
Palan Bangunan	26	0 (0.00%)	26 (100.00%)	26 (96.15%)	1 (3.85%)	0 (0.00%)
GPO	0	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	151	0 (0.00%)	153 (100.00%)	145 (94.77%)	8 (5.23%)	0 (0.00%)

* Nota: Bilik (k) pada angkas, untuk menyenaraikan indeks:
 * Status Dalam Proses (2 mosok, 100000, 100000)
 * Selsai (Lulus, Lulus, Selsai, 100000, 100000)
 ** Tempoh Tidak Dapat Diambilkan: Tempoh tidak dapat diambilkan atau Tempoh tidak dapat diambilkan (jika)
 *** Tempoh Tidak Dapat Diambilkan (jika) Tempoh tidak dapat diambilkan
 % Proses: Perbandingan Jumlah Permohonan Dalam Proses dengan Bil. Mohon
 % Selsai: Perbandingan Jumlah Permohonan Selsai dengan Bil. Mohon
 % Selsai Dalam Plagam: Perbandingan Jumlah Selsai Dalam Plagam dengan Jumlah Selsai
 % Selsai Melangka Plagam: Perbandingan Jumlah Selsai Melangka Plagam dengan Jumlah Selsai
 % Tempoh Tidak Dapat Diambilkan: Perbandingan Jumlah Tempoh Tidak Dapat Diambilkan dengan Jumlah Selsai

Takwim Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bagi Tahun 2020

Pencapaian 2020 : Laporan Analisis Pematuhan Tempoh Masa Prosuder Kualiti Proses Utama OSC MS ISO 9001:2015 bagi Kelulusan Permohonan Di Bawah Penurunan Kuasa Kepada Ketua Jabatan

Bil	Piaggam Pelanggan	Aktiviti	Menepati Tempoh Masa/ Standard Piagam Pelanggan		Tidak Menepati Tempoh Masa/ Standard Piagam Pelanggan	
			Jumlah Menepati Standard ***	% Menepati Standard ***	Jumlah Tidak Menepati Standard ***	% Tidak Menepati Standard ***
1	Memastikan semua permohonan pelan pemajuan di bawah penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan diberi keputusan rasmi selewat-lewatnya 50 hari bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima	Pelan Kerjatanah	29	97.22%	1	2.78%
		Pelan Jalan & Perparitan	38	97.43%	1	2.56%
		Pelan Salliran	22	100.00%	0	100.00%
		Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat	37	97.63	1	2.37%
		Pelan Landskap	40	100.00%	0	100.00%
		Pelan Permit Sementara	75	100.00%	0	100.00%
		Pelan Ubahan Tambahan	798	99.75%	2	0.25%
Jumlah		1,039	98.86%	5	1.14%	

Punca-punca tidak menepati standard:-
Berlaku kes covid 19 dan arahan pkp bermula 18 mac 2020

Penambahbaikan:-
5 Permohonan yang lewat diberi keputusan rasmi pada bulan mac telah diberi keputusan dan telah di bawa ke mesyuarat jawatankuasa osc bil 06/2020 bertarikh 10 jun 2020 sebagai kertas pemakluman

Pencapaian 2020 : Jumlah Keseluruhan Fi Pembangunan Diterima Di Kaunter Unit Pusat Setempat (OSC) Dari Tahun 2018 - 2020

Jenis Permohonan/Tahun	2018	2019	2020
Kebenaran Merancang (RM)	1,633,457.31	4,764,312.20	1,070,869.77
Pelan Bangunan (RM)	2,582,940.30	3,825,338.21	687,102.22
Pelan Infra (RM)	627,960.61	806,689.61	129,046.70
Pelan Lanskap (RM)	2,150.00	15,700.00	3,600.00
Jumlah	4,846,508.22	9,412,040.02	1,891,439.69

Aktiviti Tahun 2020

Tarikh	Catatan
Siri 1 17 Jun 2020 (Rabu) Kehadiran : 58 Orang (Psp/Pemaju)	Sesi Teach In Osc 3.0 Plus Secara Webex (Urusetia Osc Mbjb)
Siri 2 24 Jun 2020 (Rabu) Kehadiran : 38 Orang (Agensi Teknikal Luar)	



Tarikh	Catatan
Siri 3 07 Julai 2020 (Isnin) Kehadiran : 16 Orang	Sesi Taklimat Osc 3.0 Plus Kepada Jabatan Teknikal Dalam MBJB: I.Jabatan Bangunan Ii.Jabatan Perancang Iii.Jabatan Kejuruteraan Iv.Jabatan Landskap



Tarikh	Catatan
Siri 4 22 Julai 2020 (Rabu) Kehadiran : 18 Orang	Sesi Taklimat Osc 3.0 Plus Kepada Jabatan Teknikal Dalam MBJB: I.Jabatan Penilaian Ii.Jabatan Kesihatan Iii.Pesuruhjaya Bangunan Iv.Jabatan Undang-Undang



Tarikh	Catatan
Siri 5 12 Ogos 2020 (Rabu) Kehadiran : 10 Orang (Jabatan Bangunan Dan Jabatan Kejuruteraan)	Sesi Pemantapan Osc 3.0 Plus Dan Pemurnian Senarai Semak Bagi : I.P n elan Bangunan Ii,Permit Sementara Iii.CCC Iv.pelan Kerjatanah Tempat : Bilik Persidangan C, Unit Pusat Setempat (OSC)
Siri 6 24 OGOS 2020 (Isnin) Kehadiran : 12 Orang (Jabatan Kejuruteraan)	





Jabatan Khidmat Pengurusan



Bahagian Teknologi Maklumat

Visi

Peneraju Transformasi, Pembudayaan ICT Secara Inovatif & Kreatif Ke Arah Kecemerlangan Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap Dan Berkesan

Misi

Memacu Transformasi MBBJ melalui pengaplikasian Teknologi ICT Yang Informatif, Efektif Dan Inklusif.

Fungsi Utama Bahagian Teknologi Maklumat

UNIT APLIKASI	UNIT PORTAL, MULTIMEDIA DAN R&D	UNIT TEKNIKAL DAN RANGKAIAN
- Bertanggungjawab membangunkan sistem baru. - Memperkembangkan sistem yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa. - Menyelenggara Sistem ePBT Johor dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna. - Menguruskan sistem eKhidmat bagi pembayaran atas talian	- Mengurus laman web rasmi. - Merekabentuk persembahan grafik multimedia. - Mengkaji teknologi yang baru mengenai sistem dan multimedia. - Menguruskan emel rasmi. - Mengurus iklan LED di pejabat dan Dataran Bandaraya. - Memberi khidmat nasihat dalam merekabentuk bahan multimedia. - Menyelenggara sistem-sistem yang berada di bawah seliaan unit. - Mengurus hal ehwal pentadbiran am BTM.	- Perolehan peralatan ICT (komputer, mesin pencetak, alat ganti komputer, toner dan lain-lain) - Penyelenggaraan komputer secara berkala. - Penyelenggaraan komputer secara ad-hoc iaitu dibaiki secara dalaman. - Menyelenggara Pusat Data Utama Ibu Pejabat MBBJ. - Memastikan keselamatan rangkaian dan Pusat Data MBBJ. - Khidmat sokongan ICT bagi program-program anjuran MBBJ supaya ianya berjalan lancar serta menjimatkan kos penganjuran program. - Pemantauan perkhidmatan Johor WiFi.

Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama**Unit Aplikasi**

Membangunkan Sistem Aplikasi Baru

Membangunkan Sistem Aplikasi Secara Dalaman (In-House)

Membangunkan Sistem Aplikasi Secara Outsource

Pembangunan Aturcara Baru Untuk Penyelenggaraan Data

Pembangunan Semula Aturcara Untuk Penyelenggaraan Data

Pembangunan Semula Aturcara Untuk Pengeluaran Laporan

Menyelenggara Sistem Aplikasi

Menguruskan Penambahbaikan Sistem Aplikasi Sedia Ada

Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama**Unit Portal, Multimedia dan R&D**

Menyelenggara Maklumat Laman Web MBBJ

Pembangunan Semula Antaramuka Laman Web MBBJ

Pengurusan Multimedia dan Grafik Paparan MBBJ

Pembangunan Persembahan Multimedia dan Grafik

Pembangunan Semula Aturcara Untuk Penyelenggaraan Data

Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Sistem Sedia Ada

Menaiktaraf Sistem Sedia Ada

Pengurusan E-mel Jabatan

Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama**Unit Teknikal dan Rangkaian**

Merancang dan Membuat Perolehan Peralatan ICT

Penyelenggaraan Peralatan Komputer Secara Ad-hoc

Penyelenggaraan Peralatan Komputer Secara Berkala

Memastikan Sistem Rangkaian Serta Perkakasan rangkaian beroperasi dengan lancar

Menyemak dan Menyokong Pembayaran Kepada Pembekal

Keperluan Strategik ICT Seperti Dinyatakan Di Dalam Pelan Strategik MBBJ 2016 - 2020**Strategik Utama**

Merancang dan Membuat Perolehan Peralatan ICT

Membangunkan Prasarana & Memperbanyakkan Transaksi Proses Kerja Digital

Memudahkan Akses dan Simpanan Data Serta Keselamatan Rangkaian

Penggunaan Teknologi Baharu Bagi Mengoptimumkan Kos

Membangunkan Prasarana & Memperbanyakkan Transaksi Proses Kerja Digital

Bil	Program / Tindakan	Pencapaian Sebenar
1.	Sistem ePRO Pengurusan Gaji	• Sistem eAnggota dan Sistem ePRO Pengurusan Gaji telah dintegrasikan. • Semakan gaji atas talian dan cetakan boleh dilaksanakan oleh anggota. • Sistem Kedatangan Mutichannel – Semakan Kehadiran Secara Atas Talian.
2.	Sistem HRMIS	Perluasan Penggunaan Sistem HRMIS meliputi modul : • Permohonan lawatan ke luar negara • Pemantauan Prestasi • Permohonan Cuti Umrah/Haji
3.	Sistem Pengurusan Projek - iProjek	Sistem ini merupakan fasa ke 4 dalam pelan strategik pembangunan Sistem iPerolehan MBBJ yang akan memantau kemajuan kerja dan proses bayaran dalam tempoh 14 hari di jabatan dan proses tuntutan kontraktor dalam pelaksanaan kerja.
4.	Sistem Maklumat Bancian Lesen Premis	• Pelaksanaan Sistem Maklumat Bancian Bagi Lesen-lesen Premis di kawasan MBBJ • Telah mula digunakan bermula Jun 2020
5.	Sistem Permohonan Slip Kelulusan Bertugas (Staf)	• Sistem Yang Dibangunkan Untuk Slip Kelulusan Bertugas Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) • Telah dilaksanakan pada 4 Mei 2020
6.	Sistem Permohonan Slip Kelulusan Bertugas (Kontraktor)	• Sistem Yang Dibangunkan Untuk Slip Kelulusan Bertugas Semasa PKP • Telah dilaksanakan pada 5 Mei 2020
7.	Sistem Survey Kebersediaan Anggota Bekerja	• Sistem Yang Dibangunkan Untuk Kaji selidik Kebersediaan Anggota Bekerja Semasa PKP • Telah dilaksanakan pada 3 Mei 2020
8.	iAppointment	• Sistem Maklumat Temujanji Online • Permohonan Temujanji MBBJ Online Serta Penghantaran Dokumen Semasa PKP. • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
9.	Permohonan Lesen Secara Online	• Penggunaan Modul Permohonan Lesen e-Khidmat • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
10.	iEntry	• Penggunaan Modul Permohonan Lesen e-Khidmat Telah dilaksanakan pada Mei 2020
11.	Sistem Bayaran Kenderaan Tunda	• Pelanggan boleh melaksanakan pindah milik secara atas talian dengan menggunakan perkhidmatan eKhidmat. • Telah dilaksanakan pada September 2020
12.	Pindahmilik Online	• Permohonan mendapatkan kebenaran beroperasi (berniaga) dalam tempoh PKPB • Permohonan bagi aktiviti perindustrian/kilang dalam perkhidmatan penting (essential service) • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
13.	Sistem ApplyPKPB	• Semakan Status Permohonan Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penghantaran Makanan (Food Delivery) Semasa Tempoh PKP • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
14.	Sistem eDelivery	• Pendaftaran Baru dan Semakan Pemohonan Tuntutan Bayaran Deposit dan Sewa Dewan Milik MBBJ Semasa Tempoh PKP • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
15.	Sistem iTuntutan	• Pendaftaran Baru dan Semakan Pemohonan Tuntutan Bayaran Deposit dan Sewa Dewan Milik MBBJ Semasa Tempoh PKP • Telah dilaksanakan pada Mei 2020
16.	Sistem Maklumat Perancang (SMP)	• Menyimpan maklumat-maklumat dan data berkaitan perancangangan di kawasan Petadbiran MBBJ. • Telah dilaksanakan pada Ogos 2020.

Bil	Program / Tindakan	Pencapaian Sebenar
17.	Cetakan Notis Tunggakan Cukai (Bahagian Tunggakan Cukai Harta)	- Berfungsi sebagai cetakan notis tunggakan cukai harta. - Telah dilaksanakan pada September 2020.
18.	Sistem Penguatkuasaan Kawalan Perancang - Tanah Haram	- Berfungsi sebagai maklumat penguatkuasaan terhadap tanah-tanah haram di kawasan pentadbiran MBBJ. - Telah dilaksanakan pada September 2020.
19.	Pembangunan Sistem Permit Bangunan Sementara (Awning)	Merupakan sistem untuk Jabatan Bangunan bagi pengurusan data dan maklumat tentang permohonan permit bangunan sementara termasuk awning. Buat masa sekarang fokus pada permit awning sementara untuk kedai, rumah dan kilang.
20.	Sudut Maya EKSA MBBJ 2020	Boleh dilayari melalui portal https://apl.mbjb.gov.my/eksa
21.	Pembangunan Multimedia	151 rekabentuk (banner, slaid, poster, video) termasuk rekabentuk poster PKP, majlis-majlis dalaman, EKSA, keperluan slaid jabatan-jabatan, perayaan, kegunaan rasmi MBBJ dan sebagainya.
22.	Mesyyarat Penuh Online	- Hanya 2 (dua) mesyyarat penuh dapat disiarkan secara langsung iaitu pada bulan Januari dan Februari 2020. - Mesyyarat penuh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan secara tertutup/offline. - Penggunaan WEBEX bagi mesyyarat yang dilaksanakan di MBBJ.
23.	Siaran langsung program-program anjuran MBBJ	- Sebanyak 34 siaran langsung program dilaksanakan iaitu program membudayakan al-Quran yang disiarkan secara langsung melalui Facebook Rasmi MBBJ dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). - Program-program lain dibatalkan ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengintegrasikan Sistem Dan Rangkaian Maklumat Di Antara Jabatan

Bil	Program / Tindakan	Pencapaian Sebenar
1.	Mewujudkan Portal Intranet dimana semua sistem aplikasi dipusatkan dan diintegrasikan.	Pautan Link intranet melalui portal MBBJ https://www.mbjb.gov.my/mymbjbapps .
2.	Melakukan integrasi data-data perundangan di antara bahagian yang berkaitan dengan kompaun untuk memastikan tindakan yang lebih cekap dan berkesan.	- Migrasi Data Kompaun Pelbagai Data untuk dimigrasi telah siap dilaksanakan dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data ePBT. - Migrasi Data Lesen Penjaja Fasa Ke 3 - Data untuk dimigrasi telah siap dilaksanakan dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data ePBT.
3.	Melakukan Integrasi Data Dalam Sistem GIS.	Maklumat GIS berintegrasi di portal https://geojb.gov.my .
4.	Mewujudkan sistem yang menggabungkan data GIS (spatial) dan diintegrasikan dengan data maklumat (nonspatial) daripada sistem-sistem aplikasi sedia ada.	Maklumat GIS berintegrasi di portal https://geojb.gov.my .
5.	Mewujudkan 1 Platform Khas Bagi Menggabungkan Semua Laporan Daripada Sistem Di Jabatan.	Mewujudkan 1 Platform Khas Bagi Menggabungkan Semua Laporan Daripada Sistem Di Jabatan.

Memudahkan Akses Dan Simpanan Data Serta Keselamatan Rangkaian

Bil	Program / Tindakan	Pencapaian Sebenar
1.	Penjenamaan semula web portal MBBJ dan melantik Web Master supaya dapat membuat pelaksanaan dengan segera.	• Laman Web MBBJ menggunakan CMS DRUPAL 7.0. • Status online Laman Web MBBJ dipantau oleh Pegawai dan Web Master. • Kandungan laman web dikemaskini setiap masa.
2.	Penggunaan akaun emel rasmi MBBJ.	Bilangan pengguna semasa telah meningkat kepada 1219 pengguna.
3.	Melakukan Ujian Penembusan (penetration testing) bagi mengenal pasti kelemahan rangkaian MBBJ.	Ujian Penembusan (Penetration Test) telah dilaksanakan pada bulan Ogos 2020 oleh ASK Pentest Sdn. Bhd.
4.	Penyelenggaraan Peralatan Komputer Secara Kontrak	Pembekal bagi Kontrak Penyelenggaraan Peralatan ICT telah dilantik iaitu Quantum Virtuality Sdn Bhd dan KPI telah ditetapkan untuk kerja-kerja bagi disiapkan dalam tempoh 19 hari
5.	Penyelenggaraan Berkala	100 % penyelenggaraan berkala dilaksanakan mengikut jadual.
6.	Menaiktaraf rangkaian di antara ibu pejabat dan pejabat cawangan dengan menggunakan teknologi kawalan secara terpusat (IPVPN)	Penggunaan teknologi kawalan secara terpusat (IPVPN) telah dilaksanakan di 12 pejabat-pejabat cawangan MBBJ
7.	Merangka Pelan Pemindahan Ke Bangunan Baru Dari Segi Infrastruktur Rangkaian ICT	Mesiniaga Berhad telah dilantik bagi Tender kerja-kerja penyediaan kelengkapan peralatan rangkaian, pusat data dan migrasi server bagi Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Ia melibatkan kos RM 3,520,000.00 yang mana tempoh penyiapan bermula Oktober 2019 sehingga Mac 2020. Ia juga melibatkan pusat pemulihan bencana di Pejabat Cawangan Dato Onn.
8.	Migrasi kepada kawalan peralatan ICT (Komputer, Laptop dll) secara terpusat dan terkawal di ibu pejabat dan pejabat cawangan MBBJ	Sebanyak 100% penggunaan Active Directory MBBJ yang telah dilaksanakan di Ibu Pejabat dan pejabat cawangan MBBJ.

Mengintegrasikan Sistem Dan Rangkaian Maklumat Di Antara Jabatan

Bil	Program / Tindakan	Pencapaian Sebenar
1.	Mewujudkan Portal Intranet dimana semua sistem aplikasi dipusatkan dan diintegrasikan.	Pautan Link intranet melalui portal MBBJ https://www.mbjb.gov.my/mymbjbapps .
2.	Melakukan integrasi data-data perundangan di antara bahagian yang berkaitan dengan kompaun untuk memastikan tindakan yang lebih cekap dan berkesan.	• Migrasi Data Kompaun Pelbagai Data untuk dimigrasi telah siap dilaksanakan dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data ePBT. • Migrasi Data Lesen Penjaja Fasa Ke 3 - Data untuk dimigrasi telah siap dilaksanakan dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data ePBT.
3.	Melakukan Integrasi Data Dalam Sistem GIS.	Maklumat GIS berintegrasi di portal https://geojb.gov.my .
4.	Mewujudkan sistem yang menggabungkan data GIS (spatial) dan diintegrasikan dengan data maklumat (nonspatial) daripada sistem-sistem aplikasi sedia ada.	Maklumat GIS berintegrasi di portal https://geojb.gov.my .
5.	Mewujudkan 1 Platform Khas Bagi Menggabungkan Semua Laporan Daripada Sistem Di Jabatan.	Mewujudkan 1 Platform Khas Bagi Menggabungkan Semua Laporan Daripada Sistem Di Jabatan.

Aktiviti Bahagian Teknologi Maklumat Tahun 2020



1. Kerja-kerja penyediaan kelengkapan peralatan rangkaian, pusat data dan migrasi server bagi Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula Oktober 2019 hingga Mac 2020.



2. Latihan Simulasi Dan Ujicuba Sistem PSNB Pada 5 Februari 2020



3. Sesi Pendaftaran Sistem Biometrik Bagi Anggota MBBJ pada 3-5 Mac 2020 Pendaftaran ini bagi mengambil menyimpan maklumat-maklumat muka dan cap jari anggota bagi tujuan penggunaan sistem biometrik yang baharu



4. Sesi Bengkel URS Sistem Biometrik MBBJ pada 17 – 18 Mac 2020



5. Pelaksanaan Mesyuarat Atas Talian menggunakan platform WEBEX



6. Taklimat iProjek kepada Jabatan-Jabatan Pelaksana MBBJ


Aktiviti Bahagian Teknologi Maklumat Tahun 2020



7. **On Job Training Sistem Pengurusan Aktiviti Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail 20 Februari 2020**
On job training ini bertujuan merekod kehadiran aktiviti Membudayakan Al Quran dan Tazkirah bagi anggota di Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan



8. **Bengkel Penggunaan Sistem Pindah Milik Online (PMO) Pada 21 Mei 2020**



9. **Sesi Taklimat Sistem MyEMS Bagi Tujuan Program Pemutihan Lesen Pada 10 Jun 2020**



10. **Taklimat Sistem iAppointment kepada Semua Ketua Jabatan dan Bahagian pada 4 Jun 2020.**
Dalam usaha mengurangkan risiko jangkitan wabak COVID-19, MBBJ memperkenalkan Sistem iAppointment iaitu sistem memohon waktu temu janji secara atas talian bagi urusan-urusan yang perlu melibatkan pertemuan dengan jabatan-jabatan MBBJ bermula 4 Jun 2020. Hanya imbas QR Code di bawah atau klik pautan <https://apl.mbjb.gov.my/temujanji/> bagi memohon temu janji anda.



11. **Sesi Bengkel Sistem ePBT 3.0 Anjuran MBBJ pada 23 – 25 Jun 2020**
Bengkel ini dihadiri pegawai daripada ICT Johor, SUK KT, MB Pasir Gudang, MB Iskandar Puteri, MP Kulai, MP Pengerang. Bengkel ini adalah bagi mengumpul keperluan pembangunan sistem ePBT 3.0

Aktiviti Bahagian Teknologi Maklumat Tahun 2020



12. Bengkel Kemasukkan Data Aset Alih Menara MBBB Pada 7 Julai 2020



15. Latihan Penggunaan Sistem Penilaian Semula Dan Sistem PSNB Bersama Jabatan Penilaian 17 Ogos 2020



13. Lawatan Penandaarasan Daripada MP Hang Tuah Jaya Pada 11 Ogos 2020



14. Bengkel Sistem Pengurusan Fail Jabatan Landskap 11 Februari 2020
Kursus penggunaan sistem pengurusan fail ini bertujuan memberi pendedahan kepada anggota di Jabatan Landskap merekod fail baru dan pergerakan fail.



16. Sesi Taklimat Sistem Kehadiran Kepada Penyelia Jabatan Pada 26 Ogos 2020

Aktiviti Bahagian Teknologi Maklumat Tahun 2020



17. Lawatan Penandaarasan Daripada MP Kuantan Pada 17 September 2020
Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat berkenaan pelaksanaan Sistem ePro Pengurusan Sumber Manusia yang telah dilaksanakan di MBBJ



18. Taklimat Portal GeoJB Kepada Jabatan Pelaksana Pada 23 September 2020



19. Perbincangan Bersama Pihak Peguam Negeri Johor Berkenaan Sistem PMO Pada 1 Oktober 2020



20. Bengkel Dan Perbincangan URS Sistem ePBT – Modul Sitaan Pada 25 Oktober 2020



21. Taklimat Sistem Pemeriksaan Aset Kepada Pegawai Aset Pada 21 Disember 2020



22. Majlis Cabutan Bertuah Cukai Harta MBBJ Tahun 2020 29 Disember 2020
Majlis ini telah berlangsung di Dewan Kenanga pada 29 Disember 2020 dan disiarkan secara langsung melalui FB Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pencapaian Bahagian Teknologi Maklumat Bagi Tahun 2020



1. Anugerah Emas – Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Selatan (Rtex 2020) Secara Atas Talian Pada 22 & 23 September 2020



2. Anugerah Emas (5 Bintang) - Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (Apic) 2020 17-20 November 2020 Gotowebinar

Bahagian Pentadbiran

1. Pengurusan Perolehan, Pengurusan Aset Alih dan Stor

Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab dalam pengurusan aset alih MBBJ untuk memastikan kehendak 1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) di patuhi. Hal ini termasuklah dari segi perolehan, pendaftaran, pelabelan, penempatan, pemeriksaan dan pelupusan. Selain daripada itu, Bahagian Pentadbiran juga menguruskan Stor Utama MBBJ di Mount Austin, sebagaimana kehendak Tatacara Pengurusan Stor yang sedang berkuatkuasa.

1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP): Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) hendaklah diadakan empat (4) kali setahun. Merujuk Jadual 1.1, tarikh Mesyuarat JKPAK yang telah dijalankan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Mesyuarat JKPAK yang Telah Dijalankan Bagi Tahun 2020

Bil	Bil Mesyuarat	Tarikh
1.	1/2020	9 April 2020
2.	2/2020	19 Julai 2020
3.	3/2020	27 Oktober 2020
4.	4/2020	31 Januari 2021

1.2 Laporan Pengurusan Aset Alih Mbjb Tahun 2020

Jadual dibawah menunjukkan Laporan Pengurusan Aset Alih MBBJ Tahun 2020:

Jadual 1.2: Laporan Pengurusan Aset Alih MBBJ Tahun 2020

Nilai Keseluruhan Aset Alih (RM) (KEW.PA-8)	Bil PTJ Melaksanakan Pemeriksaan Aset Alih (KEW.PA-12)	Nilai Perolehan Asal Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-20)	Hasil Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-20)	Nilai Perolehan Asal Kehilangan dan Hapus Kira (KEW.PA-32)	Nilai Tindakan Surcaj Kehilangan Aset Alih (RM)
39,203,908.02.	38,169	35,0133	Tiada	Tiada	Tiada

1.3 Laporan Tahunan Harta Modal Dan Aset Alih Bernilai Rendah Sehingga Tahun 2020

Merupakan projek gantian daripada projek asal Projek YB Menteri Besar (Senarai 16/2017) yang telah dibatalkan sebagaimana kelulusan pihak KPKT susulan daripada permohonan Jawatankuasa Penduduk digantikan kepada Projek YB Menteri Besar (Senarai 42/2019) dengan skop kerja baharu

Projek YB Menteri Besar (Senarai 42/2019) - Parlimen Johor Bahru
 1.Memasang pagar di Pangsapuri Larkin Idaman Plot A, MB Johor Bahru (CPC pada 7/6/2020)

1.1.2 Projek Penyelenggaraan Tppm – 13 Lokasi (Peruntukan Persekutuan)

Sebanyak 13 lokasi permohonan skop kerja-kerja penyelenggaraan perumahan berstrata di bawah Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) daripada Jawatankuasa Penduduk melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk dikenalpasti kerosakan serta penambahbaikan dan disediakan anggaran kos kerja bagi mendapatkan kelulusan pihak KPKT mengikut spesifikasi yang ditetapkan

Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Bawah Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) :-

LOKASI 1 Rumah Pangsa Blok 5, Taman Kenanga (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 2 Rumah Pangsa Blok 3, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
LOKASI 3 Rumah pangsa Blok 7, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 4 Rumah pangsa Blok 8, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
LOKASI 5 Rumah Pangsa Blok 17, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 6 Rumah Pangsa Blok 19, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
LOKASI 7 Rumah Pangsa Blok 22, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 8 Rumah Pangsa Blok 13, Taman Melor (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)

LOKASI 9 Rumah Pangsa Pinang 3, Taman Daya (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 10 Rumah Pangsa Daisy, Taman Plentong (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
LOKASI 11 Rumah Pangsa Laman Tasek, (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	LOKASI 12 Rumah Pangsa Rosmerah, Tmn Johor Jaya (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
LOKASI 13 Rumah Pangsa Fasa 3G & 3H, Tmn Molek (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam.

Taklimat serahan tapak bersama ketua penolong pengarah projek bangunan, kakitangan bahagian pesuruhjaya bangunan (COB) & pihak kontraktor yang layak bagi 9 lokasi projek penyelenggaraan TPPM pada 10/05/2020



Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Tahun 2020:-

SENARAI 1 Kerja-Kerja Mengecat Dan Berkaitan Di Rumah Pangsa Blok 5, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	SENARAI 2 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Blok 5, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
SENARAI 3 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Blok 10, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	SENARAI 4 Kerja-Kerja Mengecat Dan Berkaitan Di Rumah Pangsa Nibong 14, Taman Daya (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
SENARAI 5 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Austin Perdana 4, JB (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	SENARAI 6 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Austin Perdana 4, JB (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)
SENARAI 7 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Laman Tasek, Taman Redang (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)	SENARAI 8 Kerja-Kerja Penambahbaikan Di Rumah Pangsa Blok 19, Taman Cempaka (Peringkat pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam.

1.1.3 PROJEK PENYELENGGARAAN – 1 LOKASI Projek YB Menteri Besar (Senarai 42/2019) - Parlimen Johor Bahru (Peruntukan Negeri)

1. Memasang pagar di Pangsapuri Larkin Idaman Plot A, MB Johor Bahru (CPC pada 7/6/2020)



Sebelum



Selepas

Memasang pagar di Pangsapuri Larkin Idaman Plot A, MB Johor Bahru

1.2 Peruntukan Kerajaan Persekutuan (KPKT) & Peruntukan Kerajaan Negeri

1.2.1 Membina Kompleks Dan Gelanggang Sukan

1. Membina Dan Menyiapkan Gelanggang Bola Keranjang, Jalan Permas 11/5, Bandar Baru Permas Jaya (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
2. Menaiktaraf Fasiliti Stadium Hoki Taman Daya, Sempena Sukan Sukma XX Johor 2020 (Peringkat Pembinaan 12 Julai 2020)
3. Menaiktaraf Bagi Sukan Wushu Di Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya Sempena Kejohanan Sukan Malaysia Ke 20 (Sukma XX) Johor 2020 (CPC pada 18/1/2020)
4. Membina dan Menyiapkan Gelanggang Latihan Acara Petanque Sempena Kejohanan Sukan Malaysia ke 20 (Sukma XX) Johor 2020 (CPC pada 20/1/2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



Sebelum



Selepas

Membina Gelanggang Bola Keranjang Bandar Baru Permas Jaya



Sebelum



Selepas

Menaiktaraf Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya Bagi Sukan Wushu



1.2.2 Membina Dewan Raya

- 1.Membina Dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Jalan Setia 5, Taman Setia Indah (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
- 2.Membina Dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Kg. Bakar Batu (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
- 3.Membina Dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Taman Megah Ria (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
- 4.Menaiktaraf Dewan Serbaguna Jalan Anggerik 5/1, Taman Anggerik (CPC pada 11 Jun 2020)
- 5.Membina Dan Menyiapkan Dewan Terbuka Jalan Bukit Mutiara 5, Taman Bukit Mutiara (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam





Sebelum

Membina Dewan Serbaguna Taman Megah Ria



Selepas



Sebelum

Menaiktaraf Dewan Terbuka Jalan Bukit Mutiara 5, Taman Bukit Mutiara



Selepas



Sebelum

Menaiktaraf Dewan Serbaguna Taman Anggerik



Selepas

1.2.3 Memperelok Gerai / Tapak Penjaja

1. Menaiktaraf Tapak Penjaja Gerai Di Hadapan Kip Mart Tampoi (CPC pada 4/2/2020)
2. Menaiktaraf Anjung Selera Seroja Jalan Seroja Fasa 2, Plentong (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
3. Menaiktaraf Anjung Selera Bayu (1), Perindustrian Tampoi(Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
4. Menaiktaraf Gerai Jalan Dedap 13, Taman Johor Jaya (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



Sebelum

Menaiktaraf Tapak Penjaja Gerai di Hadapan Kip Mart Tampoi



Selepas



Sebelum

Menaiktaraf Anjung Selera Seroja



Selepas

1.2.4 Menaiktaraf Kompleks Perniagaan

1. Menaiktaraf Bangunan Medan Selera Hutan Bandar (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)
2. Menaiktaraf Pasar Awam Setia Indah (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



Sebelum

Menaiktaraf Bangunan Medan Selera Hutan Bandar


1.2.5 Membina / Menaiktaraf Pejabat / Bangunan / Tanah

1. Membina Bangunan Menara MBBJ (Peringkat Tempoh Baiki Kecacatan - DLP)

Membina Bangunan Baru Menara MBBJ



Aduan Kerosakan/Kecacatan Setiap Bulan Bagi Tahun 2020



1.2.6 Menaiktaraf Kediaman Anggota Perkhidmatan Pentadbiran


1. Pembaikan Pangsapuri Permas Jaya Bagi Tujuan Penyewaan Pada Tahun 2020 (CPC pada 19/1/2020)



1.2.7 Menaiktaraf Bangunan Pejabat

1. Menaiktaraf Bangunan Jotic, MBBJ (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



1.2.8 Membina / Menaiktaraf Perpustakaan Tiada

1.2.9 Ubahsuai Bangunan

1. Kerja-Kerja Kecemasan Pemasangan Bumbung 'Polycarbonate' Berkerangka Besi Bagi Penyelesaian Sementara Isu Kebocoran Bumbung 'Gutter' Yang Kritikal Di Medan Niaga Kg. Melayu Majidi, Johor Bahru (CPC pada 15/1/2020)
2. Menaiktaraf Bengkel Plentong Jalan Bunga Matahari Kampung Baru Plentong (CPC pada 17/3/2020)
3. Naiktaraf di No.24-G rumah kedai milik Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk dijadikan Pos Polis Komuniti di Jalan Tun Abdul Razak (Susur 4) (CPC pada 1/2/2020)



1.2.10 Membina Tandas Awam

1. Menaiktaraf Tandas Awam Dewan Plentong (Peringkat Perolehan - 12 Julai 2020)
2. Menaiktaraf Tandas Awam Tepian Tebrau (Peringkat Perolehan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



1.2.11 Projek Istana

1. Proposed For Changing Gross From Axonoposs Compressouss To Zoysion Zeon (License Gross) At 707 (A) Training Field, Sri Gelam (CPC pada 15/1/2020)
2. Pusat pemulihan JDT (JDT Rehab Center) di pusat Latihan Seri Gelam Johor Bahru (Peringkat Pembinaan - 12 Julai 2020)

* 12 Julai 2020 – serahan projek beserta Penyelia Tapak (Pen. Pegawai Senibina JA29 & Penolong Jurutera J29) kepada Jabatan Kerja Awam



Proposed For Changing
Gross From Axonoposs
Compressouss To Zoysion
Zeon (License Gross) At 707
(A) Training Field, Sri Gelam



Pusat pendidikan dan pusat kraf center, di pusat latihan Sri
Gelam Johor Bahru

1.3 Peruntukan Ahli Majlis & Penyelenggaraan Kecil Di Bawah Rm 20 Ribu

1.3.1 Kerja-Kerja Peruntukan Ahli Majlis

Bahagian Projek Bangunan terlibat secara langsung bagi setiap peruntukan Ahli Majlis di setiap Zon (berfungsi sehingga 12 Julai 2020 Arahan Pejabat Bil. 13/2020 – PERTUKARAN dikeluarkan). Bagi tahun 2020, kesemua projek yang dibawa dari Tahun 2019 telah siap sepenuhnya dan selesai pembayaran.

1.3.2 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kecil (Kerja Lantikan Terus)

Sepanjang tahun 2020, berikut adalah Kerja Lantikan Terus (KLT) di bawah RM 20 ribu melibatkan pembaikan-pembaikan kecil serta yang melibatkan kerja kecemasan yang perlu segera dibaiki menggunakan peruntukan MBBJ sebagaimana berikut :-

- 1.Kerja-kerja Aduan Aset-aset kecil berkaitan bagi Bulan Disember 2019 MBBJ (CPC pada 7/1/2020)
- 2. Kerja-kerja Membaiki Aduan Kebocoran serta lain-lain kerja berkaitan MBBJ (CPC pada 5/1/2020)



Sebelum




Selepas


Kerja-kerja Aduan Aset-aset kecil berkaitan bagi Bulan
Disember 2019 MBBJ (Pusat Dialisis)

1.4 Menguruskan Prosedur Rekabentuk

Berkuatkuasa bermula 12 Julai 2020 di mana Arahan Pejabat Bil. 13/2020 – PERTUKARAN telah dikeluarkan, skop kerja Bahagian Projek Bangunan secara langsung adalah merangkumi perancangan dan menguruskan segala prosedur yang berkaitan Proses Rekabentuk. Antara projek rekabentuk yang berjalan sepanjang Tahun 2020 adalah sebagaimana berikut :-

1. Merekabentuk Bangunan Dan Penyediaan Dokumen Sebutharga Projek Insektarium Di Blok L2, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Awam Negeri Johor (Peringkat Pembinaan – Jabatan Kerja Awam)
2. Merekabentuk Dan Penyediaan Dokumen Tender Kandang Tahanan Haiwan Di Jalan Tahana, Larkin Johor (Peringkat Perolehan – Jabatan Kerja Awam)
3. Pemasangan Jata MBBJ Di Dinding 'Feature Wall' Pejabat Datuk Bandar (Peringkat Perolehan – Jabatan Kerja Awam)
4. Merekabentuk Dan Penyediaan Dokumen Sebutharga Kabin Untuk Kegunaan Jabatan Penguatkuasaan Di Tapak Lot 1, Johor Bahru (Peringkat Perolehan – Jabatan Kerja Awam)





Datuk Bandar




Merekabentuk Dan Penyediaan Dokumen Sebutharga Kabin Untuk Kegunaan Jabatan Penguatkuasaan Di Tapak Lot 1, Johor Bahru

1.5 Menguruskan Prosedur Pelantikan Perunding

Skop kerja Bahagian Projek Bangunan juga lebih memfokuskan pada Prosedur Pelantikan Perunding dengan merujuk Perkeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3 – Perolehan Perunding (PK 3.1 – PK 3.11) bagi projek yang memerlukan kepakaran khidmat perunding dalam melaksanakan permohonan seperti Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (Certificate of Fitness – CF), projek berikut adalah berkaitan :-

1. Cadangan Projek Pembangunan Pusat Transit Gelandangan Bangsa Johor Diatas Lot 22528, Kawasan Lapang Taman Larkin Perdana, Johor Bahru, Johor Untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (Peringkat Prosedur Rekabentuk & Prosedur Perolehan Oleh Perunding)
2. Kerja-Kerja Menaiktaraf Bangunan Ibupejabat Bagi Tujuan Penempatan Semula Jabatan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Majlis Bandaraya Johor Bahru (Pejabat Jalan Dato' Onn) (Peringkat Pelantikan Perunding)
3. Kerja-Kerja Menaiktaraf Bangunan Dataran Bagi Keperluan Jabatan Pembangunan Masyarakat Dan Jabatan Kesihatan Termasuk Kerja-Kerja Berkaitan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Peringkat Kajian)



1.6 Kerja-Kerja Di Luar Skop Teknikal

Bagian Projek Bangunan turut terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kerja-kerja di luar skop teknikal seperti penglibatan dalam acara-acara rasmi, program, kursus dan lawatan kerja sebagaimana berikut :-

1. Urusetia Perasmian Pos Polis Komuniti di Jalan Tun Abdul Razak (Susur 4)
2. Urusetia Lawatan Zero Miles oleh Exco Pelancongan Dan Belia Sukan Johor






Jabatan Perancangan Pembangunan



Bahagian Transformasi & Pengantarabangsaan

1.0 Pelan Tindakan Pelaksanaan Zon Antarabangsa Negeri Johor

Pelan Tindakan Zon Antarabangsa ini adalah lanjutan daripada Kajian Koridor Pembangunan Selat Johor 2025 (KPSJ 2025) yang bertujuan bagi mengenalpasti polisi dan halatuju strategik beserta badan pengurusan dalam mengurus dan melaksanakan Zon Antarabangsa.



Kewujudan Zon Antarabangsa diperkenalkan untuk merealisasikan Konsep Ekonomi di Iskandar Malaysia yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan mengenalpasti satu kawasan pembangunan khusus yang menempatkan pelaburan dan masyarakat warga asing dalam usaha untuk mengawal pemilikan warga asing di kawasan Koridor Pembangunan Selat Johor.

Kewujudan Zon Antarabangsa juga bertujuan untuk memberi kesaksamaan kepada rakyat tempatan yang sebelum ini menduduki hartanah bersama warga asing dan sepatutnya mereka (pemilik warga asing) perlu dikenakan cukai tanah, cukai harta, caj pemajuan dan

sebagainya yang lebih tinggi berbanding kawasan lain serta turut menjaga hak kepentingan pihak pemaju, pelabur dan pemilik tanah.

2.0 Rapid Transit System Malaysia-Singapura



Projek Rapid Transit System Malaysia – Singapura (RTS) merangkumi landasan anjang 4 kilometer (MY: 2.7km / SG: 1.3km) yang menghubungkan Bukit Chagar Johor Bahru dan Woodlands di Singapura serta bertujuan mengatasi kesesakan lintas antara kedua-dua negara.

Projek ini merupakan transit aliran deras rentas sempadan yang dirancang untuk menghubungkan Johor Bahru, Malaysia dengan Singapura, merentasi Selat Tebrau. Apabila ia siap dibina, sistem ini akan menjadi laluan kereta api penghubung antara dua negara dengan sasaran tahun projek dapat disiapkan pada 2026. Pada masa kini, projek ini sedang dalam peringkat akhir rekabentuk sebelum dimajukan kepada pihak Majlis.

Unit Pelan Induk, Bahagian Rancangan Pemajuan & Pengantarabangsaan

Rancangan Kawasan Khas (RKK) / Pelan Tindakan Khas (PTK)

RKK Bandaraya Johor Bahru 2030 (Kawasan Stulang, Pelangi, Larkin, Bandar Baru Uda)

Kajian ini telah dimulakan pada Mac 2018 meliputi kawasan seluas 3,8732.25 Hektar. Laporan Akhir telah siap pada Disember 2020 dan kini dalam tindakan pewartaan oleh pihak Kerajaan Negeri



RKK Sungai Skudai (MBJB) 2030

Kajian ini telah dimulakan pada Disember 2019 yang meliputi keluasan 3143.15 Hektar dan kawasan Sungai Skudai sepanjang 9 km. Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam telah diadakan pada 24 Oktober 2020 secara atas talian melalui laman sesawang rasmi MBJB.

Kajian tersebut kini dalam tindakan pewartaan oleh pihak Kerajaan Negeri



RKK Bandar Ulu Tiram, Majlis Bandaraya Johor Bahru

Kajian ini telah dimulakan pada Julai 2019 dan dijangka siap pada Ogos 2021. Draf Laporan Akhir telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 13 Januari 2021

Sehingga kini, kajian sedang diperingkat penyediaan Laporan Akhir bagi tujuan. Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang dijangka akan diadakan pada Mac 2021 secara atas talian melalui laman sesawang rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru .



Unit Kemampanan Bandar, Bahagian Rancangan Pemajuan & Pengantarabangsaan

MBJB Penerima Penghargaan Khas Bandar Mampan 2020 Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia HPBS 2020 Ke-32

MBJB telah menerima Penghargaan Khas Pencapaian Konsisten dalam Pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia HPBS 2020 ke-32 yang telah diadakan pada 10 November 2020.

Lebih manis, penghargaan ini menjadikan MBJB sebagai PBT pertama Negeri Johor yang memenangnya dan juga tahun 2020 ini merupakan 100 tahun perancangan bandar di Malaysia.

HPBS 2020 telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin dengan tema Norma Baharu - Perancangan Melangkaui Kelaziman. Ia bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya, ke arah mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Dengan penghargaan ini, ianya menjadi pemangkin dan motivasi kepada MBJB dalam usaha mengekalkan momentum kemampanan bandar raya Johor Bahru bagi menyediakan

kehidupan yang kondusif dan berkualiti kepada warga kota dan juga menjadikan Johor Bahru sebagai bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



Penganugerahan Bandar Mampan 2020 dan Penghargaan Khas Bandar Mampan 2020

MBJB telah menerima 2 anugerah bersempena Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia Peringkat Negeri Johor.

Anugerah yang diterima MBJB adalah Anugerah Bandar Mampan 2020 dan Penghargaan Khas Bandar Mampan 2020.

Dengan penghargaan ini, ianya menjadi pemangkin dan motivasi kepada MBJB dalam usaha mengekalkan momentum kemampunan bandar raya Johor Bahru bagi menyediakan kehidupan yang kondusif dan berkualiti kepada warga kota dan juga menjadikan Johor Bahru sebagai bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



MBJB Terima Anugerah Green Accord Initiative Award (GAIA) 2019/2020

Menara MBJB diberi pengiktirafan sekali lagi apabila menjadi pemenang kategori Bangunan Individu dalam Green Accord Initiative Awards (GAIA) anjuran Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor.

Pengiktirafan ini menjadikan Menara MBJB sebagai bangunan kerajaan pertama yang memenangi anugerah ini. Turut menerima pengiktirafan GAIA adalah Bangunan MBJB Jalan Dato' Onn dan Bangunan JOTIC yang berjaya ke peringkat akhir GAIA.

MBJB akan menjadikan penerimaan anugerah ini sebagai pemangkin dan pendorong untuk menjayakan lebih banyak inisiatif-inisiatif hijau terutamanya yang terkandung dalam Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon MBJB 2025.



MBJB Terima Anugerah di Leadership In Sustainability Awards 2020

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) diiktiraf sebagai pemenang kategori 'Best New Green Institutional Building' dalam Leadership in Sustainability Awards 2020 anjuran Malaysia Green Building Council pada 15 Ogos lalu.

Dengan kemenangan ini Menara MBJB terpilih untuk mewakili Malaysia ke World Green Building Council Asia Pacific Network Awards 2020 (World GBC APN) bagi kategori Leadership in Sustainable Design And Performance.

Turut menerima 'Honourable Mention' adalah program Iskandar Malaysia Ecolife Challenge, anjuran MBJB dengan kerjasama IRDA, bagi kategori Special Awards on Sustainable Development Goals; dan Johor Bahru Low Carbon Action Plan 2025 bagi kategori Best Green Research.

Majlis anugerah ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf organisasi yang mengamalkan amalan hijau dan 'Green Building Index' serta menerapkan elemen Low Carbon Society setiap program dan perancangan pembangunan.




Unit Penguatkuasaan Perancangan, Bahagian Kawalan Perancangan

1. Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2019 & 2020

• Aduan Awam Bagi Tahun 2019 & 2020

Bil	Jenis Aduan	Bil Aduan Tahun 2019	Bil Aduan Tahun 2020
1.	Aktiviti Kitar semula	10	1
2.	Salah guna aktiviti	18	29
3.	Gated & Guarded	2	0
4.	Keagamaan (Binaan Kuil/Tokong)	25	12
5.	Gangguan tadika / taska /pusat penjagaan	10	9
6.	Pusat Jagaan Ibu Berpantang & Bayi	1	5
7.	Pencerobohan tanah	18	5
8.	Gangguan dari projek pembangunan (binaan haram)	4	5
9.	Kilang memproses simen	1	0
10.	Bengkel	10	21
11.	Kacauganggu jiran (anjing, parking kenderaan terbiar, dan lain-lain)	12	11
12.	Pusat Cuci Kereta	2	5
13.	Jumlah	113	103

• Asas Tindakan Penguatkuasaan Perancangan



2. Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2020


- Punca kuasa adalah mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta Standard Operating Procedure (SOP) bagi tindakan penguatkuasaan perancangan



3. Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2020

- Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 Bagi Tahun 2020

Jumlah Notis Kesalahan Pkp Bagi Tempoh Januari – Disember 2020



Tindakan penguatkuasaan perancangan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (Akta 172) bagi tahun 2020 melibatkan 122 kes baru yang diterima berdasarkan aduan awam, rondaan berkala di kawasan yang dikenalpasti serta penolakan kebenaran merancang oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), MBBJ. Bagi melancarkan tindakan penguatkuasaan ini, pihak jabatan juga telah menjalankan 8 operasi operasi bersepadu melibatkan kolaborasi jabatan dalaman MBBJ serta agensi luaran seperti PDRM, Imigresen, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah & Daerah dan Swcorp.



Pencerobohan tanah rizab



Aktiviti cuci kenderaan diatas rizab kerajaan




Aktiviti keagamaan di kediaman

Operasi Bersepadu Melibatkan Agensi Luar Dan Jabatan Dalaman, Mbbj


4. Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2020

Status Fail Tutup Bagi Tempoh Januari – Disember Tahun 2020



JUMLAH
KESELURUHAN:
31 FAIL KES

Jumlah Fail Tutup Januari – Disember Tahun 2020



JUMLAH
KESELURUHAN:
31 FAIL KES

- Denda dan kes saman Penguatkuasaan Perancangan di bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 Bagi Tahun 2020

Tindakan saman ke atas kesalahan dalam peruntukan Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (Akta 172) bagi tahun 2020 melibatkan 2 kes yang telah disabitkan kesalahan. Kesemua denda berjumlah RM6,000.00 ini dijelaskan pada perbicaraan yang berlangsung di Mahkamah Majistret MBB, Larkin tertakluk kepada kesalahan yang berbeza.

5. Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Bagi Tahun 2020

- Kategori Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 (Operasi Bersepadu Bersama Jabatan / Agensi Luar)



Aktiviti bengkel dan penyimpanan barang di kawasan kediaman



Aktiviti kilang haram di zon kediaman



Salahguna aktiviti rumah kepada tokong



Aktiviti bengkel kereta di kediaman



Aktiviti rumah dijadikan pusat jagaan ibu berpantang



Aktiviti restoran di kediaman



Aktiviti tadika tanpa kelulusan



Aktiviti parking lori dan pembuangan sampah dan besi di kawasan kediaman

Unit Proses Bahagian Kawalan Perancangan


1. Aktiviti Setiap Bahagian

1.1 Bahagian Kawalan Perancangan

1.1.1 Unit Proses


a) Laporan Permohonan Kebenaran Merancang bagi Tahun 2019 dan Tahun 2020.

Jenis Permohona	Bilangan Fail	
	Tahun 2019	Tahun 2020
Susunatur	33	16
Pembinaan	55	39
Kerajaan	4	-
Jumlah	92	55




b) Hasil Terimaan Bayaran Wang Proses Kebenaran Merancang Bagi Tahun 2019 dan Tahun 2020.

Tahun	Jumlah Terimaan
2019	RM3,755,105.66
2020	RM3,289,224.36




c) Hasil Terimaan Bayaran Caj Pemajuan bagi Tahun 2019 dan Tahun 2020.

Tahun	Jumlah Terimaan
2019	RM7,774,250.00
2020	RM1,360,125.00



d) Senarai fail yang diberi ulasan kepada jabatan yang terlibat bagi Tahun 2020

Tahun	Bilangan Fail
Ulasan Kepada Jabatan Bangunan	
Pelan Bangunan	50
Ubahan Tambahan	39
Ulasan Kepada Pejabat Tanah Johor Bahru	
Ubahsyarat Tanah	100
Permohonan Tanah	75



e) Aktiviti yang dijalankan bagi Tahun 2020



- i. Menjalankan sesi Tech-in berkala iaitu 2 minggu / sekali



- iv. Sesi Perbincangan Garis Panduan Asrama Pekerja dan senarai semak bagi ulasan permohonan Asrama Pekerja.



- ii. Sesi Mesyuarat bersama pihak PlanMalaysia@Johor bersama PBT Johor berkaitan Cadangan Pindaan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan Negeri Johor 2018 pada 15 Julai 2020 yang diadakan di Dewan Inai Merah, Pejabat MBJB.



- v. Sesi Mesyuarat Rumah Mampu Milik bersama wakil Pemaju, Pejabat Tanah, Pihak BPEN Johor dan SUK Perumahan.



- iii. Sesi Perbincangan bersama anggota teknikal Jabatan Perancang bagi membincangkan Pindaan Garis Panduan Perancangan, MBJB.



Jabatan Landskap

Jabatan Landskap

Jabatan Landskap diberi tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti hidup warga bandaraya dan menjadikan Johor Bahru Bandaraya dalam Taman yang bertaraf antarabangsa.

Jabatan Landskap telah mendapat status Jabatan pada 22 Mei 2019 melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. P11 Tahun 2019 ditimbalguna berkuatkuasa mulai 19 Februari 2019.

Bagi memastikan Jabatan Landskap mencapai objektif jabatan pada masa kini, Jabatan Landskap telah berkembang kepada tiga (3) Bahagian iaitu:

- 1) Bahagian Perancangan dan Kawalan Landskap
- 2) Bahagian Pembangunan Landskap dan Rekreasi
- 3) Bahagian Arborikultur dan Hortikultur

Pada ketika ini, Jabatan Landskap diketuai oleh Pengarah Landskap dan 3 pegawai mempunyai 21 penolong pegawai dan anggota sokongan seramai 104 orang untuk sama-sama memikul tanggungjawab mencapai misi dan visi Jabatan. Jabatan Landskap juga meneruskan program-program landskap seperti kempen menanam pokok, penganjuran latihan / kursus / seminar dan pertandingan landskap serta menyertai penrtandingan landskap yang dianjurkan oleh jabatan / agensi kerajaan.

Jabatan juga sentiasa menerima kunjungan lawatan pengunjung yang datang melawat ke taman-taman awam iaitu Hutan Bandar, Taman Orkid, Taman Merdeka, Taman Rekreasi Pelangi Indah dan Laman Tasek Pandan. Selain itu, pihak Jabatan juga menerima tempahan bagi kemudahan taman awam seperti chalet, tapak perkhemahan, dewan, padang, laman dan lain-lain kemudahan. Aktiviti-aktiviti penyediaan khidmat hiasan juga sentiasa dilaksanakan bagi memenuhi permintaan tempahan-tempahan hiasan bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan mahupun pihak swasta.

1. Program Pembangunan Landskap

a) Projek Menaiktaraf Taman Awam Dan Taman Permainan Kanak-Kanak

Selaras dengan hasrat Jabatan Landskap bagi memberi kemudahan yang baik dan selesa kepada pengunjung, pada tahun 2020 Jabatan Landskap melaksanakan beberapa projek menaiktaraf taman awam dan taman permainan kanak-kanak. Antara projek-projek menaiktaraf yang telah dan sedang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut :

Bil	Nama Projek	Kos Projek (Rm)	Tempoh Projek
1.	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-kanak Di Jalan Cokmar, Taman Sri Tebrau, Johor Bahru	RM 286,920.00	17 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020
2.	Kerja-kerja Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Di Kawasan Taman Orkid dan Sekitar Tasik Tujuh Hutan Bandar, Johor Bahru	RM 416,817.00	17 Mac 2020 hingga 20 September 2020
3.	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-kanak Di Jalan Bukit Kempas 2/9, Taman Bukit Kempas, Johor Bahru	RM 375,600.00	2 September 2020 hingga 15 Disember 2020

b) Projek Pengindahan Landskap Sempena Sukan Malaysia (Sukma) XX Johor 2020

Tahun 2020 adalah merupakan tahun bagi negeri Johor menjadi tuan rumah penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) XX dan Jabatan Landskap telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Persiapan Tempat, Hiasan dan Vanue SUKMA 2020. Justeru itu, Jabatan Landskap telah melaksanakan projek-projek menaiktaraf landskap di laluan menuju ke vanue penganjuran sukan-sukan sempena SUKMA. Walaubagaimanapun akibat dari pandemik Covid-19, penganjuran SUKMA XX di negeri Johor telah di tangguhkan. Antara projek-projek menaiktaraf yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut :

Bil	Nama Projek	Kos Projek (Rm)	Tempoh Projek
1.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang (Dari Persimpangan Bertingkat Plentong Sehingga Ke Persimpangan Bertingkat Taman Rinting) Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 1,975,655.00	1 Jun 2020 hingga 11 September 2020
2.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Jalan Kempas Baru, Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 696,165.00	1 Jun 2020 hingga 9 Ogos 2020
3.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang (Dari Persimpangan Jalan Firma Sehingga Ke Persimpangan Bertingkat Tebrau) Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 3,000,001.00	1 Jun 2020 hingga 8 September 2020
4.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Sepanjang Lebuhraya Permas Jaya Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 1,486,742.00	1 Jun 2020 hingga 18 September 2020
5.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Kg. Dato' Onn , Larkin (Ke Arena Larkin), Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 580,680.00	1 Jun 2020 hingga 9 Ogos 2020
6.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Laluan Ke Taman Daya (Stadium Hoki), Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 1,280,321.00	1 Jun 2020 hingga 23 Ogos 2020
7.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Jalan Bukit Mutiara (Arena Kompleks Sukan Bandar Dato' Onn) Di Persimpangan Lebuhraya Pasir Gudang Hingga Jalan Firma 2, Kawasan Perindustrian Tebrau Iv (Couseway Link) Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 1,016,470.00	1 Jun 2020 hingga 4 Oktober 2020
8.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Southern University Collage, Jalan Selatan Utama, Km 15, Taman Impian Emas, Skudai, Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 697,152.00	1 Jun 2020 hingga 23 Ogos 2020
9.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Sport City, Taman Mount Austin, Johor Bahru Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020	RM 607,200.00	1 Jun 2020 hingga 25 Ogos 2020
10.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Di Jalan Jim Que, Jalan Tunku Azizah Dan Persekitaran Keluar /Masuk Bangunan Sultan Iskandar CIQ	RM 425,350.00	5 Julai 2020 hingga 26 September 2020



Cadangan Kerja-Kerja Menaik-taraf Landskap Di Sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang (Dari Persimpangan Bertingkat Plen-tong Sehingga Ke Persimpangan Bertingkat Taman Rinting) Sem-pena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020



Cadangan Kerja-Kerja Menaik-taraf Landskap Di Sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang (Dari Persimpangan Jalan Firma Sehingga Ke Persimpangan Bertingkat Tebrau) Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020



Cadangan Kerja-Kerja Menaik-taraf Landskap Di Southern University Collage, Jalan Selatan Utama,Km 15,Taman Impian Emas, Skudai, Johor Bahru Sem-pena Sukan Malaysia (SUKMA) XX Johor 2020

2. Penyelenggaraan Landskap

Pada tahun 2020, Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap bagi memastikan keadaan landskap di dalam kawasan bandaraya berada dalam keadaan ceria dan terkawal. Bagi memastikan kerja-kerja ini dilaksanakan secara lancar dan memuaskan hati warga bandaraya, kerja-kerja ini telah dilaksanakan secara kontrak. Jenis-jenis kerja penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan adalah sebagaimana butiran berikut :

Bil	Jenis Kerja Penyelenggaraan	BiL Zon / Pakej / Lokasi
1.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Alatan Permainan Dan Penjagaan Landskap Taman Kanak-kanak Dan Rekreasi Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulam	11 Pakej
2.	Penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap di taman rekreasi / taman awam bagi tempoh 12 bulan	6 Lokasi
3.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Air Pancutan bagi tempoh 36 bulan	3 Lokasi

Jabatan Landskap turut melaksanakan kerja-kerja bekalan pokok secara berkala untuk kegunaan penanaman, sulaman dan hiasan majlis / program rasmi kerajaan sebagaimana butiran berikut :

Bil	Jenis Kerja Bekalan Pokok
1.	Membekal pokok hiasan dan annual bagi tujuan hiasan majlis-majlis rasmi dan perayaan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan
2.	Membekal dan menghantar 'Fresh Flowers' bagi kegunaan program-program rasmi di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan
3.	Membekal, menghantar dan menanam pokok bermusim 'annual' di kawasan Laman Mahkota dan Laman Serene, Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan
4.	Kerja-Kerja Membekal, Menanam Dan Menyelenggara Anak Pokok Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan

Pada tahun 2020, Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap secara kontrak. Jenis-jenis kerja penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan adalah sebagaimana butiran berikut :

Bil	Jenis Kerja Penyelenggaraan	Bil. Zon / Pakej / Lokasi
1	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan	17 Zon
2	Penyelenggaraan tahunan landskap di jalan-jalan utama di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	20 Pakej
3	Penyelenggaraan Taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan	14 Zon
4	Penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap di taman rekreasi / taman awam bagi tempoh 12 bulan	7 Lokasi
5	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Air Pancutan bagi tempoh 36 bulan	3 Lokasi

Kerja Bekalan Pokok

Jabatan Landskap juga melaksanakan kerja-kerja bekalan pokok secara untuk kegunaan penanaman, sulaman dan hiasan majlis / program rasmi kerajaan sebagaimana butiran berikut :

Bil	Jenis Kerja Bekalan Pokok
1	Membekal pokok hiasan dan annual bagi tujuan hiasan majlis-majlis rasmi dan perayaan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan
2	Membekal dan menghantar 'Fresh Flowers' bagi kegunaan program-program rasmi di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan
3	Kerja-kerja membekal, menanam dan menyelenggara anak pokok di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru pokok di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru
4	Kerja-kerja membekal, menanam dan menyelenggara anak pokok di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru pokok di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru



Membekal, menghantar dan menanam pokok bermusim 'annual' di kawasan Laman Mahkota Dan Laman Serene, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan

3. Kempen Penanaman Pokok Teduhan / Utama

Jabatan Landskap Negeri Johor telah menetapkan sasaran penanaman pokok teduhan / utama sebanyak 23,761 pokok setahun. Pada tahun 2020, peratus sasaran sebanyak 216.01% telah dicapai bagi penanaman pokok teduhan oleh pihak Majlis dan juga pihak swasta.

Statistik penanaman pokok teduhan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2019 adalah sebagaimana berikut :

Bulan	Jumlah Penanaman Pokok (NOS)
Januari – Mac	5,445
April – Jun	1,500
Julai – September	7,392
Oktober - Disember	9,425
Jumlah	23,761
Peratus Pencapaian	216.01%

4. Hasil Pendapatan Jabatan

Jabatan Landskap juga menyumbang kutipan hasil pelbagai Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui sewaan kemudahan taman awam di Hutan Bandar dan Taman Merdeka serta hasil khidmat sewaan hiasan untuk agensi-agensi Kerajaan juga pihak swasta. Namun pada 2020 disebabkan Penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Jabatan Landskap MBBJ mengambil langkah menutup kesemua tempat dan kawasan sewaan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Oleh itu, tiada kutipan hasil yang dapat dibuat pada tahun 2020

Antara kemudahan taman awam yang disewakan adalah Dewan Lambak, Chalet, Tapak perkemahan, Laman Tembusu, Laman Hijau dan Rumah Johor di Hutan Bandar. Manakala di Taman Merdeka, kemudahan yang disewakan adalah Padang, Merdeka, Laman Kedaulatan Raja-Raja Melayu, kawasan lapang dan tasik.



Chalet



Tapak Perkhemahan



Rumah Johor



Amphitheater



Dewan Lambak



Rumah Johor



Laman Melayu



Padang Merdeka

5. Aduan Awam

Jabatan Landskap sentiasa membuat pemantauan keatas aduan-aduan awam yang diterima berkaitan penyelenggaraan pokok di dalam rizab jalan dan penyelenggaraan taman-taman riadah serta taman permainan kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Statistik menunjukkan bilangan aduan awam yang diterima dan diambil tindakan pada tahun 2020 oleh anggota Jabatan Landskap dan pihak kontraktor yang dilantik adalah sebagaimana berikut :

Butiran Aduan	Jumlah Aduan	%	Aduan Selesai		Aduan Dalam Tindakan	
			Jumlah	%	Jumlah	%
Penyelenggaraan & Tapak Semaian	2,204	92.06%	2,160	98%	44	2.0%
Taman Awam	190	7.94%	165	86.84%	25	13.16%
Jumlah	2,394	100.0%	2,325	97.12%	69	2.88%

[illegible]

Laporan Permohonan Pelan Landskap Tahun 2020

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	jumlah
Status													
Bil. Permohonan Pelan Landskap Diterima	2	8	3	0	0	7	3	6	10	2	0	2	43
Bil. Fail Pelan Landskap Ditanggung	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bil. Fail Pelan Landskap Diluluskan	2	8	3	0	0	7	3	6	10	2	0	2	43
Bil. Fail Pelan Pelan Landskap Ditolak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Peratus Pencapaian (%)	100	100	100	PKP	PKP	100	88	100	100	100	0	100	100

Proses Utama :
Pengawalan Pembangunan

7. Penyertaan Pertandingan

Pada tahun 2020, Jabatan Landskap mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mendapat Tempat Pertama dalam Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah bersempena Majlis Perasmian Hari Landskap Negara 2020 di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur, hari ini. Anugerah yang telah disampaikan oleh Y. Bhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan ini diberikan kepada MBBJ di atas usaha-usaha memperindahkan landskap bandar raya Johor Bahru selain menjayakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif. Turut menyertai pertandingan ini adalah pihak-pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, NGO dan syarikat pemaju seluruh Negara.



8. Program Infaq Warisan di Persisiran Sungai Terbau

Pada 30 Jun 2020, Jabatan Landskap MBBJ bersama Wakaf An-Nur telah mengadakan Program Infaq Warisan bagi menghijaukan di kawasan persisiran Sungai Terbau sambil membuat amal sedekah jariah. Sebanyak 54 Pokok Utama telah ditanam di persisiran Sungai Terbau dan telah dirasmian oleh Datuk Bandar Majlis Bandar Johor Bahru Dato' Adib bin Azhari dan Pengarah WANCorp Hj. Bukhari.



9. Aktiviti & Program Jabatan Landskap

a) Perasmian TMIYC Johor Bahru

TMIYC Johor Bahru yang berkeluasan sebanyak 15 ekar terletak di Hutan Bandar Johor. Tujuan pembangunan ini adalah khusus untuk komuniti belia berkumpul, beriadah, bertukar-tukar idea dan menjalankan aktiviti rekreasi bersama-sama, selaras dengan hasrat dan kehendak golongan belia pada masa kini serta bagi membentuk personaliti berkepimpinan dan berkeyakinan diri.

Pada 21 Disember 2020 TMIYC Johor Bahru telah dirasmikan oleh DYAM Tunku Mahkota Johor dan telah dihadiri oleh YAB Menteri Besar Johor, YB Exco Pelancongan, Belia Dan Sukan Negeri Johor dan Ketua Polis Johor. Komponen pembangunan kemudahan di TMIYC Johor Bahru antaranya adalah bangunan 'Youth Centre', 'Skatepro', 'Rock Yard', 'Parkour Park', 'Pump Track', 'Mountain Bike Trail', 'Amphiteater', 'Canopy Walk', 'Kiddo Ground', Kubus Lestari (dewan dan surau) serta gerai dan kedai jualan.





Jabatan Perbendaharaan



Jabatan Perbendaharaan

1.0 Fungsi Jabatan Kewangan

Jabatan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut :

- 1. Menguruskan Bajet Majlis
- 2. Menguruskan Perbelanjaan
- 3. Menguruskan Akaun
- 4. Mentadbir Tempat Letak Kereta
- 5. Menguruskan hal-hal Pentadbiran Kewangan
- 6. Menguruskan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

2.0 Carta Organisasi




3.0 Hasil Majlis

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengutip hasil dalam kawasan pentadbirannya. Terdapat tiga (3) punca hasil utama Majlis iaitu penerimaan dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil. Bayaran cukai harta menyumbangkan 73% kepada jumlah keseluruhan hasil. Kutipan hasil bukan cukai termasuklah lesen perniagaan dan penjaja, iklan, pelan bangunan, kebenaran merancang, Improvement Service Fund (ISF), caj pemajuan, sewaan serta caj tempat letak kereta.

Kutipan daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut digunakan oleh MBJB untuk perbelanjaan mengurus yang terdiri daripada emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta perkhidmatan perbandaran seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, bayaran lampu jalan dan lain-lain. Perbelanjaan pembangunan pula merangkumi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur, kemudahan awam, ruang perniagaan, taman-taman awam dan pengindahan persekitaran Bandaraya Johor Bahru.

Tahun 2020 merupakan tahun yang agak mencabar kerana negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan ekonomi terjejas. Anggaran hasil 2020 telah dibuat semakan semula berikutan masalah yang melibatkan ekonomi negara. Anggaran hasil dijangka mengalami penurunan sebanyak RM56,624,211 @ 12% daripada RM470,356,911 kepada RM413,741,700. Pihak MBJB mengambil inisiatif dengan memberikan insentif hasil bagi tahun 2020 seperti pengecualian sewa gerai, pengecualian caj lewat notis cukai, pengurangan kompaun 80%, pengecualian bayaran lesen penjaja dan semua tapak penjaja. Kutipan hasil bagi tahun 2020 daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut dapat dilihat sebagaimana berikut:

Hasil	Jumlah Kutipan (Rm)
Hasil Cukai	293,366,045
Hasil Bukan Cukai	76,396,405
Terimaan Bukan Hasil	33,509,852
Jumlah	403,272,302




3.1 Perbandingan Bajet Dan Kutipan Hasil Bagi Tahun 2020

Hasil	Anggaran (Asal) (Rm)	Semakan Semula (Rm)	Sebenar (Rm)	Peratus Pencapaian (Semakan Semula) (%)	
				Asal	Semakan Semula
Hasil Cukai	306,242,111	275,617,900	293,366,045	96	106
Hasil Bukan Cukai	126,032,800	102,632,800	76,396,405	61	74
Terimaan Bukan Hasil	38,091,000	35,491,000	33,509,852	88	94
Jumlah	470,365,911	413,741,700	403,272,301	86	97

3.2 Perbandingan Kutipan Hasil Bagi Tahun 2018 Hingga 2020

Hasil	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
Hasil Cukai	264,327,682	309,059,731	293,366,045
Hasil Bukan Cukai	103,224,023	105,940,403	76,396,405
Terimaan Bukan Hasil	36,807,039	28,990,327	33,509,852
Jumlah	404,358,744	443,990,462	403,272,301

3.3 Prestasi Hasil Bagi Tahun 2018 Hingga 2020 (RM Juta)



4.0 Pengeluaran Bil Cukai Harta Dan Borang E (Notis Membayar Tunggakan Kadar)

Bil Tuntutan Cukai Harta telah ditetapkan untuk dihantar kepada pelanggan sebelum 21 Januari untuk penggal pertama dan 21 Julai untuk penggal kedua mengikut Piagam Pelanggan Majlis dengan pecahan jumlah bil dan Borang E yang telah dihantar kepada pelanggan, bagi tahun 2020 MBBJ memberi pengecualian kepada Notis Borang E sebagai insentif kepada pembayar-pembayar cukai menghadapi pandemik COVID-19. Jumlah bil bagi tahun 2020 adalah sebagaimana berikut :

Perkara	Penggal Pertama	Penggal Kedua
Bil Tuntutan Cukai Harta	325,656	159,541

5.0 Pengurusan Tempat Letak Kereta


Hasil pengurusan tempat letak kereta adalah terdiri daripada sewaan petak sama ada secara bermusim, bulanan, atau secara sementara serta kutipan kompaun. Penggunaan petak letak kereta terbuka dilaksanakan melalui penggunaan kupon dan kadar yang dikenakan kepada orang awam adalah 60 sen bagi setiap (1) jam atau 40 sen bagi setiap setengah (1/2) jam. Bagi kadar letak kereta yang dikenakan secara tertutup iaitu sistem berpaling automatik digunakan dengan kadar yang dikenakan adalah minimum RM1.00 dan maksimum RM2.00 bagi setiap satu (1) jam sepetak. Pengurusan tempat letak kereta berkupon dilaksanakan secara 'outsource' oleh MBBJ. Tetuan Presgo Gateways Sdn Bhd telah dilantik sebagai Syarikat pengendali berkuatkuasa mulai 01 Mei 2016. MBBJ telah menerima pulangan sebanyak 30% daripada hasil tempat letak kereta yang dilaksanakan secara 'outsource' ini. Pada 30 Julai 2020, pengurusan tempat letak kereta telah dipindahkan kepada Bahagian Undang-Undang MBBJ untuk diuruskan bagi tujuan memantapkan pengurusan Tempat Letak Kereta.

5.1 Pecahan Pungutan Hasil Unit Letak Kereta

Berikut merupakan pungutan hasil untuk 'Outsource Tempat Letak Kereta' bagi tahun 2020 dan Pungutan Hasil Tahun 2020 Unit Letak Kereta :

Perkara	Jumlah
Jualan Kupon Tunai	121,744.00
Jualan Kupon Kepada Ejen	2,884,580.00
Jualan e-Kupon	9,810.00
Jualan 'MBJB SPOT'	4,170,784.06
Jualan Pas Bulanan	5,902,650.00
Sewa Petak Musim	1,016,280.00
Sewa Petak Sementara	66,222.00
Bayaran Kompaun / Denda	6,362,574.85
Jumlah 'Outsource Tempat Letak Kereta'	20,534,644.91

pecahan pungutan hasil unit letak kereta



Daripada jumlah tersebut pihak majlis menerima pulangan sebanyak 30% iaitu bersamaan dengan RM6,421,343. Hasil keseluruhan pengurusan tempat letak kereta bagi tahun 2020 adalah sebagaimana berikut :

Perkara	Jumlah
'Outsource Tempat Letak Kereta' – 30%	RM 6,160,393
Sewa Kontrak Metro Parking	RM260,770
Kompaun Meter / Kupon / Halangan	RM 180
Jumlah Besar	RM 6,421,343

5.2Penguatkuasaan Tempat Letak Kereta

Kompaun pelbagai kesalahan meletak kenderaan dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dikeluarkan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pemilik kenderaan. Kadar diskaun akan diberikan mengikut tempoh berikut :

Bil	Tempoh (Dari Tarikh Kesalahan)	Kadar Pengurangan
1	1 – 14 hari	60%
2	15 – 30 hari	50%
3	31 – 60 hari	40%
4	61 – 90 hari	20%

Bil	Tempoh (Insentif Hasil Semasa Wabak Covid19)	Kadar Pengurangan
1	01 Julai 2020 ~ 31 Disember 2020	80%

Perbelanjaan

Terdapat peningkatan sebanyak 337 lesen premis perniagaan yang dibatalkan antara tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019 sebagaimana rajah di atas. Pemilik lesen perniagaan telah mempunyai kesedaran untuk memperbaharui lesen sebelum tarikh tamat tempoh lesen. Hal ini kerana hebahan berkaitan pembaharuan lesen perniagaan telah diwar-warkan oleh pihak Jabatan melalui media sosial MBBJ seperti laman web rasmi MBBJ dan laman 'Facebook' MBBJ.

Selain daripada itu, jumlah perniagaan yang terkesan dengan kemerosoton ekonomi akibat dari pandemik COVID-19 turut menjadi salah satu faktor peningkatan jumlah pembatalan lesen bagi tahun 2020.


Unit Iklan

Jadual di bawah merupakan pecahan kutipan hasil bagi Unit Iklan bagi tahun 2020 dan perbandingannya dengan tahun 2019. Terdapat peningkatan hasil iklan antara tahun 2019 dengan tahun 2020 kerana pihak Jabatan telah melantik syarikat konsesi untuk menguruskan permohonan papan iklan dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Pecahan Keseluruhan Kutipan Hasil Sehingga Bulan Disember 2020

Bil	Aktiviti	Perbandingan	
		Hasil Sehingga Disember 2019	Hasil Sehingga Disember 2020
1.	Billboard	3,812,769.57	3,576,280.04
2.	Sepanduk	128,368.00	75,759.10
3.	Bunting	2,856,684.00	1,128,075.00
Jumlah (RM)		6,588,071.97	4,780,114.34

Jumlah Permohonan Lesen Iklan Bagi Tahun 2020 Dan Perbandingannya Dengan Tahun 2019



Jadual di atas merupakan jumlah permohonan Lesen Iklan bagi tahun 2020 dan perbandingannya dengan tahun 2019. Terdapat penurunan sebanyak 445 permohonan Lesen Iklan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 763 permohonan diterima berbanding 1,208 permohonan pada tahun 2019.

Penurunan hasil ini turut melibatkan sekatan terhadap beberapa operasi atau aktiviti perniagaan sepanjang pandemik COVID-19. Ia memberikan kesan kepada hasil iklan dimana pengusaha tidak membuka operasi atau menjalankan promosi bermusim.

Bahagian Penjaja

Pelbagai program transformasi penjaja telah dijalankan dengan hasrat untuk menjadikan penjaja yang berada dalam kawasan pentadbiran MBBJ sebagai penanda aras kepada penjaja dikawasan lain. Berikut merupakan pecahan kutipan hasil bagi keseluruhan bahagian penjaja sehingga Disember 2020 dan perbandingannya dengan tahun 2019.

Terdapat penurunan kutipan hasil penjaja disebabkan oleh dua (2) faktor utama iaitu pihak MBBJ melaksanakan Pegecualian Bayaran Fi Lesen Penjaja selama satu tahun sepertimana saranan daripada Kerajaan Negeri Johor. Inisiatif ini adalah untuk mengurangkan bebanan penjaja kecil di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Selain daripada itu, pihak Jabatan Pelesenan juga telah membuat pemutihan terhadap pelesen Pasar Malam dimana didapati ramai peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen serta menyewakan tapak kepada orang lain.

Tahun 2020 juga merupakan tahun dimana tiada sebarang lesen sementara yang dikeluarkan bagi tujuan jualan sempena musim perayaan sepanjang tahun. Ini telah menjejaskan kutipan hasil secara medadak jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.


Pecahan Keseluruhan Kutipan Hasil Sehingga Bulan Disember 2020

Bil	Aktiviti	Perbandingan	
		Hasil Sehingga Disember 2019	Hasil Sehingga Disember 2020
1.	Lesen Gerai	15,855.00	85,326.00
2.	Lesen Pasar	43,860.40	106,039.00
3.	Lesen Pasar Malam	8,882.00	3,020.00
4.	Lesen Penjaja	2,288.00	203,197.00
5.	Lesen Sementara	744,694.00	41,290.00
6.	Bazar Jb	37,507.00	5,420.00
Jumlah (RM)		853,086.40	444,292.00

Terdapat peningkatan pada jumlah permohonan lesen penjaja yang diterima oleh Majlis antara tahun 2020 berbanding tahun 2019. Sebanyak 1,160 permohonan diterima sepanjang tahun 2020 berbanding 396 permohonan pada tahun 2019. Peningkatan ini berlaku kerana situasi pandemik COVID-19 menyumbang pada kadar pengangguran sehingga menyebabkan para pekerja yang hilang punca pendapatan memilih bidang perniagaan secara menjaja.

Namun, pihak Majlis masih menilai setiap permohonan berdasarkan kesesuaian pada lokasi permohonan dan pihak Jabatan tidak boleh sewenang-wenangnya melesenkan penjaja ini. Bukan itu sahaja, pemohon lesen yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan Jabatan dimana dokumen yang diserahkan semasa proses permohonan lesen tidak lengkap juga mempengaruhi keputusan serta pertimbangan Majlis terhadap permohonan yang diterima

Jumlah Permohonan Lesen Penjaja Tahun 2020 Dan Perbandingannya Dengan Tahun 2019




Jumlah Operasi Meroboh Papan Iklan Bagi Tahun 2020 Dan Perbandingannya Dengan Tahun 2019



Jumlah Operasi Meroboh Papan Iklan bagi tahun 2020 meningkat kepada 35 struktur papan iklan jika dibandingkan dengan tahun 2019. Operasi roboh papan iklan yang dijalankan ini dilaksanakan dengan kerjasama jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kejuruteraan (Unit Tindakan Cepat) dan Jabatan Penguatkuasaan.

Operasi yang dilaksanakan ini setelah pemeriksaan serta pemantauan terhadap papan iklan yang tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan. Operasi ini turut dilaksanakan ke atas papan iklan yang tidak berlesen. Operasi ini dijalankan secara berterusan kerana pihak Majlis memandang serius akan pemilik syarikat iklan yang sewenang-wenangnya menaikkan struktur iklan tanpa kelulusan Majlis atau tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis



c) Program/ Aktiviti Tahunan

- Aktiviti: Saringan Orang Awam ke Pasar Awam milik MBBJ
 Lokasi: Pasar Awam milik MBBJ
 Tarikh: Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – Mulai Mac 2020

Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan mula dilaksanakan, Jabatan Pelesen merupakan salah satu jabatan yang dipertanggungjawabkan sebagai barisan hadapan dalam pemantauan dan memastikan pematuhan SOP dilaksanakan oleh orang awam.

Anggota jabatan ditugaskan untuk menyaring suhu orang awam sebelum dibenarkan memasuki pasar awam milik MBBJ. Jabatan juga bertanggungjawab memastikan semua pengunjung serta para peniaga di pasar awam mengamalkan segala langkah pencegahan penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19 termasuk pemakaian pelitup muka dan amalan penjarakan sosial.



- Aktiviti: Operasi Pemantauan Pematuhan SOP (PKP/PKPB)
 Lokasi: Zon Kempas & Zon Tampoi
 Tarikh: Bulan Mei 2020

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Kawalan Pegerakan Bersyarat di Johor Bahru (PKPB), pihak Polis DiRaja Malaysia telah menubuhkan pasukan pemantau yang terdiri dari anggota polis, anggota dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setempat dan juga RELA.

Operasi yang dijalankan ini bertujuan untuk memastikan setiap pengusaha dan pemilik perniagaan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara mengikut sektor-sektor yang ditetapkan. Anggota Jabatan Pelesen turut terlibat dalam operasi ini sepanjang bulan Mei 2020 dalam usaha memastikan setiap perniagaan yang beroperasi telah memiliki lesen perniagaan yang sah serta mematuhi segala SOP yang ditetapkan dalam usaha mengekang penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19 dari terus meningkat dikawasan setempat.



3. Aktiviti: Program Operasi Banci Pelesenan
 Lokasi: Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru
 Tarikh: 11 Jun 2020 hingga 27 Jun 2020

Pada bulan Jun 2020, Jabatan Pelesenan telah menjalankan Operasi Banci Pelesenan bagi mengenalpasti premis-premis perniagaan yang masih beroperasi tanpa mempunyai lesen perniagaan dan iklan yang sah. Operasi ini melibatkan 706 anggota yang terdiri dari 21 Unit/ Jabatan yang ada di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Operasi ini dilaksanakan dengan merekod data melalui aplikasi MyEMS agar memudahkan anggota yang berada di lokasi untuk merekod data premis yang dibanci. Usaha ini amat memudahkan anggota serta dapat mengurangkan proses kerja yang berulang dalam mengumpul data bancian dari semua anggota yang terlibat. Data yang diperoleh ini juga dapat membantu Jabatan Penguatkuasa mengenalpasti lokasi premis yang beroperasi tanpa lesen berdasarkan korordinasi yang dirakam semasa rekod premis dimuatnaik.

Hasil dari operasi banci yang dijalankan ini, terdapat 3,736 premis perniagaan yang menjalankan operasi tanpa mempunyai lesen perniagaan yang sah dari jumlah keseluruhan 32,053 premis yang dibanci. Setiap pemilik perniagaan yang didapati melakukan kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen ini telah diberikan notis pemberitahuan kesalahan yang dilakukan serta peringatan agar mengemukakan permohonan lesen kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru. Operasi yang dijalankan ini telah membantu jabatan dalam meningkatkan bilangan permohonan lesen yang diterima. Ia juga dapat mendidik pengusaha dan peniaga kepentingan mempunyai lesen perniagaan yang sah di kawasan MJB.



4. Aktiviti: Majlis Town hall Bazar JB Bersama Datuk Bandar Johor Bahru
 Lokasi: Dewan Jubli Intan, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru
 Tarikh: 9 Julai 2020

Program Town hall Bazar JB ini dijalankan sempena pembukaan semula Bazar JB setelah tamat tempoh PKP. Sesi town hall ini turut dijalankan dalam memberikan penerangan kepada para peniaga Bazar JB berkaitan prosedur serta SOP yang perlu dilaksanakan sepanjang operasi Bazar JB berjalan. Pelaksanaan SOP yang baharu ini turut melibatkan perubahan susun atur khemah perniagaan, waktu mula operasi serta tamat operasi, laluan masuk bagi peniaga yang ingin memasukkan barang perniagaan serta laluan kepada pengunjung yang berkunjung ke Bazar JB.

Melalui sesi town hall ini juga Datuk Bandar mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan hasrat serta maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa kerja-kerja pembinaan dan pengindahan di kawasan yang terlibat disekitar Bazar JB. Ia juga merupakan peluang kepada para peniaga untuk mengutarakan pandangan serta mempunyai sesi soal jawab ringkas dengan pihak Majlis.



5. Aktiviti: Program Pemutihan Penjaja
 Lokasi: Kawasan Pentadbiran MBBJ
 Tarikh: 20 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020

Program Pemutihan Penjaja ini dilaksanakan berdasarkan hasrat Datuk Bandar Johor Bahru dalam membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 di Johor Bahru sejak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Program ini mensasarkan golongan peniaga yang baharu menjalankan perniagaan sebagai penjaja di tepi jalan setelah hilang pekerjaan atau hilang sumber pendapatan.

Pihak Majlis mengambil inisiatif mendekati para penjaja untuk memudahkan urusan mereka memperoleh lesen penjaja melalui program ini. Para penjaja ini diberikan taklimat ringkas yang berkaitan kepentingan mengambil suntikan anti-thypoid (TYII) serta tanggungjawab mereka sebagai peniaga khususnya yang menjual makanan. Para penjaja yang dilihat memenuhi segala keperluan dan syarat. Pelesenan yang telah ditetapkan telah diberikan borang khas dimana ia melayakkan mereka memperolehi lesen segera. Maklumat penjaja ini turut direkodkan dalam sistem yang dibangunkan khas agar segala maklumat ditapak dapat disimpan dengan mudah dan tepat termasuk lokasi penjaja.

Program ini juga dapat membantu para penjaja memperoleh lesen dengan cara yang betul serta mengelakkan mereka dari dipengaruhi serta dimanipulasi oleh pihak-pihak yang mengambil kesempatan dalam menyampaikan maklumat yang tidak benar berkaitan prosedur di Pihak Berkuasa Tempatan.



d) Kesimpulan/ Rumusan

Pihak Jabatan optimis untuk menambah baik perkhidmatan kepada orang awam berkaitan permohonan lesen dengan menggunakan cara pembayaran lesen yang baharu iaitu pembayaran secara atas talian melalui aplikasi jom pay dan e-khidmat untuk kemudahan orang awam. Perniagaan Food Truck telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan peniaga belia dalam kawasan bandaraya Johor Bahru. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan telahewartakan beberapa kawasan tambahan bagi para peniaga menjalankan perniagaan Food Truck ini selain melesenkan mereka supaya dapat menjalankan perniagaan. Usaha mewujudkan pusat penjaja yang berkolompok juga dijalankan agar dapat memastikan para penjaja menjalankan perniagaan dalam kawasan yang sesuai serta mengamalkan budaya bersaing secara sihat.

Situasi pandemik COVID-19 yang berlaku telah menunjukkan kepentingan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Justeru itu, kemudahan permohonan lesen secara atas talian yang diperkenalkan juga meningkat penggunaannya serta dapat membantu jabatan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih mudah kepada orang awam termasuk yang berada luar dari kawasan Johor Bahru.

Pihak Jabatan juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan terhadap para peniaga yang melanggar syarat-syarat pelesenan seperti menyewakan petak kepada orang lain, tunggakan serta menggajikan pembantu bukan Warganegara.



Jabatan Penguatkuasaan



Misi, Visi dan Objektif



Fungsi Jabatan Penguatkuasaan

1. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan berdasarkan undang - undang Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), dan undang-undang kecil yang diguna pakai oleh MBBJ.
2. Menjalankan rondaan secara berkala di setiap zon Ahli Majlis berdasarkan jadual rondaan.
3. Merancang dan melaksanakan pemeriksaan secara berkala keatas penjaja, gerai, premis perniagaan dan perindustrian dalam aspek penguatkuasaan.
4. Mengeluarkan notis amaran dan tawaran kompaun yang bersalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).
5. Melaksanakan tindakan sitaan keatas sebarang pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MBBJ.

6. Melaksanakan tindakan operasi penguatkuasaan seperti :
 - I. Operasi meroboh struktur bangunan yang didirikan tanpa kebenaran yang sah daripada MBBJ.
 - II. Operasi premis perniagaan tanpa lesen perniagaan yang sah daripada MBBJ.
 - III. Operasi penjaja tanpa lesen perniagaan yang sah daripada MBBJ.
 - IV. Operasi halangan barang – barang perniagaan yang diletakkan/ditinggalkan di tempat awam dibawah pentadbiran MBBJ.
 - V. Operasi menurunkan iklan – iklan haram dan tanpa permit yang sah daripada MBBJ.
7. Melaksanakan rondaan dan mengalihkan kenderaan menghalang, kenderaan terbiar dan buruk di kawasan pentadbiran MBBJ.
8. Mengeluarkan tawaran kompaun keatas kenderaan – kenderaan yang menghalang di tempat awam.
9. Membuat kawalan lalulintas bagi majlis – majlis rasmi yang dianjurkan oleh pihak kerajaan.
10. Menjalankan operasi bersepadu bersama lain – lain agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain – lain.
11. Mengawal selia dan memantau kawasan pentadbiran MBBJ melalui CCTV yang dipasang di pusat Bandar dan kawasan sekitarnya.
12. Menyediakan fail – fail bagi tujuan pendakwaan dan tindakan saman di mahkamah.
13. Mengenal pasti kerosakkan infrastruktur dan tindakan jabatan lain sebelum menjadi aduan awam.

Tindakan Penguatkuasaan Iklan



Peruntukan Undang-Undang :


Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan MBBJ 1981 (Pindaan 2010)

Kesalahan:

- Tiada lesen Iklan
- Tiada Permit / Tiada kebenaran
- Letak Di Jalan Protokol
- Letak Di Tempat Yang Tidak Dibenarkan

Aduan Awam & Skuad Lensa MBBJ

Statistik Aduan Awam Dan Skuad Lensa Tahun 2020



Kompaun & Notis Amaran

Notis Amaran

2799

- 46 UUK Mencegah Kekotoran MBBJ 1981
- 468 UUK Mengkompaun Kesalahan MBBJ 1981
- 2285 Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974



Kompaun Kesalahan

26246

- 24759 UUK Mencegah Kekotoran MBBJ 1981
- 684 UUK Mengkompaun Kesalahan MBBJ 1981
- 803 Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974



Pemindahan Kenderaan (Tunda)

Kenderaan Menghalang



Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 – Akta (133)

Sek. 46 (i)(g) – Menyebabkan atau membenarkan mana-mana kereta berhenti di mana-mana siar kaki,

Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Mbjb 1981 Uuk 6(i)(g) - Meletakkan Kenderaan di mana-mana Siarkaki atau Lorong Belakang.

Kenderaan Buruk/Terbiar



Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 – Akta (133)

Sek. 46 (i)(e) – Meletakkan atau menyebabkan diletak kayukayan, besi sekerap, kereta buruk atau apa apa bahagiannya, bahan buangan atau benda atau barang lain di mana-mana tempat awam

Motorsikal




Undang-Undang

Kecil Mencegah Kekotoran Mbjb 1981 (Pindaan) 2004


UUK 6(I)(G) - Meletakkan Kenderaan di mana-mana Siarkaki atau Lorong Belakang

Operasi & Sitaan



Operasi Bersepadu

Agensi Luar	
Agensi	Jumlah
PDRM	27
Imigresen	6
KKM	4
JKM	4
JPN	3
Kastam	2
Pej. Daerah Jb	2
Pej. Tanah	2
PBSMM	2
JAINJ	2
Sukj (Perumahan)	2
MBIP	1
JKPTG	1
SPRM	1
KPDNHEP	1
MAQIS	1
Jumlah	61





Jabatan Dalam MBJB	
Jabatan	Jumlah
Jab. Kejuruteraan	28
Jab. Perlesenan	2
Jab. Perancang	1
Jab. Kesihatan	2
Bahg. Undang-Undang	1
Jab. Bangunan	1
Jumlah	35

Kompaun & Notis Amaran

Operasi Bersepadu Pusat Hiburan & Kelab Malam

Operasi bersepadu pusat hiburan & kelab malam dijalankan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Operasi bersepadu dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (IMIGRESEN) , Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan Pejabat Daerah Johor Bahru.

Modus operandi bagi operasi ini adalah bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap mana – mana pusat hiburan atau kelab malam yang gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan serta ingkar dengan sop perintah kawalan pergerakan.

Tindakan tangkapan dan juga sitaan telah dilakukan oleh agensi berkaitan mengikut peruntukan undang – undang yang digunakan.



Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Warga Asing

Operasi penguatkuasaan warga asing dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan dibawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Operasi bersepadu penguatkuasaa warga asing melibatkan beberapa agensi antaranya Jabatan Imigresen Malaysia (IMIGRESEN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Tindakan penguatkuasaan ini dilakukan terhadap penjaja atau premis yang dimiliki oleh warga asing mahupun majikan yang menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran.

Tangkapan dan sitaan juga diambil terhadap mana – mana premis yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan.



Operasi Bersepadu Ulat Parkir & Gelandangan

Di tengah kepesatan Bandaraya Johor Bahru ini masih terdapat golongan gelandangan yang merempat di lorong sempit jalan raya dan bangunan. Walaupun mereka dilihat selekeh dan kotor namun tidak menyangka adalah gelandangan transit iaitu antara warga asing yang bekerja singapura dan terkandas di negara ini.

Tindakan operasi bersepadu dijalankan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilakukan di sekitar pusat Bandaraya Johor Bahru.

Gelandangan yang telah ditangkap telah diambil tindakan oleh pihak JKM dan PDRM untuk tindakan selanjutnya.



Operasi Bersepadu Premis Perniagaan Tanpa Kebenaran

Operasi bersepadu premis perniagaan dijalankan di sekitar pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Operasi lazimnya dijalankan terhadap premis berisiko tinggi, premis warga asing, premis disyaki menjalankan aktiviti perjudian dan sebagainya.

Operasi seperti ini melibatkan beberapa agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (IMIGRESEN), Pejabat Tanah Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP).



Operasi Bersama Jabatan Kejuruteraan

Operasi bersama Jabatan Kejuruteraan lazimnya dilakukan terhadap operasi yang melibatkan teknikal seperti operasi meroboh gerai haram, operasi membuka iklan perniagaan serta operasi membuka struktur binaan tanpa kebenaran yang memerlukan jentera berat dan kepakaran teknikal.



Operasi Bersama Jabatan Pelesenan

Jabatan Pelesenan bersama Jabatan Penguatkuasaan sentiasa menjalankan tindakan bersepadu dalam menjalankan pemantauan terhadap sebarang aktiviti perniagaan yang dijalankan di pentadbiran MBBJ. Tindakan dan pemantauan



Operasi Bersama Jabatan Kesihatan

Tindakan bersepadu telah dijalankan bersama Jabatan Kesihatan antaranya pemeriksaan premis perniagaan, operasi menembak gagak, pemantauan penjaja pasar malam serta operasi haiwan merayau. Operasi bersepadu juga disertai bersama – sama jabatan dalaman MBBJ yang lain.



Tindakan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)		TEMPOH TAHUN 2020	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU								
			JUMLAH PEMERIKSAAN PREMIS	STATUS PEMATUHAN S.O.P PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID 19							
				BERLESEN (PATUH)	TINDAKAN (TIDAK PATUH)						
					NOTIS (TIADA LESEN)	NOTIS PEMERIKSAAN	AMARAN LEBAS	KOMPALIN	SITAAH LESEN	SITAAH BARANG	PENUTUPAN PREMIS
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	FASA 1	18 Mac – 31 Mac 2020	3224	1894	1	1210	98	-	-	21	-
	FASA 2	1 April – 14 April 2020	837	303	22	296	152	-	-	64	-
	FASA 3	15 April – 28 April 2020	197	44	1	32	77	-	25	18	-
	FASA 4	29 April – 12 Mei 2020	345	23	149	-	135	6	20	12	-
PKPB (BERSYARAT)	PKPB	13 Mei – 9 Jun 2020	3669	2923	363	-	-	38	60	77	208
PKPP (PEMULIHAN)	PKPP	10 Jun – 9 Nov 2020	36419	34085	1235	-	-	752	34	200	113
PKPB (BERSYARAT)	PKPB	10 Nov – 21 Nov 2020	5038	4869	112	-	-	32	1	22	2
PKPP (PEMULIHAN)	PKPP	22 Nov – 6 Dis 2020	5339	5123	142	-	-	37	-	29	8
PKPB (BERSYARAT)	PKPB	7 Dis – 31 Dis 2020	8708	8498	123	-	-	68	-	10	9
JUMLAH			63776	57762	2148	1538	462	933	140	453	340

Perintah Kawalan Pergerakan Covid – 19

Perintah kawalan pergerakan (PKP) – Covid 19 di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula pada 18 Mac 2020. Tindakan penugasan penguatkuasaan seperti bekerjasama bersama agensi luar dan jabatan dalaman MBBJ dalam membendung penularan wabak covid 19. Tindakan merangkumi penutupan jalan utama, operasi gelandangan, operasi bersepadu pematuhan sop perniagaan dan bantuan logistik di pusat kuarantin.

Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan melibatkan petugas barisan hadapan MBBJ antaranya Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Awam, Jabatan Kejuruteraan dan sebagainya



Perintah Kawalan Pergerakan Covid – 19

Perintah kawalan pergerakan (PKP) – Covid 19 di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula pada 18 Mac 2020. Tindakan penugasan penguatkuasaan seperti bekerjasama bersama agensi luar dan jabatan dalaman MBBJ dalam membendung penularan wabak covid 19. Tindakan merangkumi penutupan jalan utama, operasi gelandangan, operasi bersepadu pematuhan sop perniagaan dan bantuan logistik di pusat kuarantin.

Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan melibatkan petugas barisan hadapan MBBJ antaranya Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Awam, Jabatan Kejuruteraan dan sebagainya



Aktiviti Jabatan Penguatkuasaan

Perbincangan Bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Berkenaan Isu Kenderaan Buruk/Terbiar Tarikh : 15 Januari 2020

Jabatan Penguatkuasaan bersama Bahagian Undang – Undang MBBJ telah mengadakan pertemuan bersama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor bagi membincangkan isu kenderaan buruk, terbiar / lanjut usia di bawah pentadbiran MBBJ.



Program Gotong Royong Di CIQ Johor Bahru Tarikh : 19 Januari 2020

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan program gotong royong melibatkan pelbagai jabatan dalaman MBBJ. Program ini dijalankan di sekitar pusat bandaraya bertujuan menjadikan bandaraya Johor Bahru bersih berbudaya dan lestari



Program Outreach Di SMK Puteri Wangsa, Taman Puteri Wangsa Tarikh : 19 Februari 2020

Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama jabatan dalaman telah mengadakan program outreach di SMK Puteri Wangsa. Program tersebut diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan berkenaan latar belakang serta perundangan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MBBJ. Dalam program tersebut juga telah diadakan pelbagai pameran melibatkan pelbagai jabatan dalaman MBBJ.



Program Pembudayaan Al Quran, Tahlil, Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Dan Majlis Persaraan Anggota Jabatan Penguatkuasaan Tarikh : 27 Februari 2020

Jabatan penguatkuasaan telah mengadakan majlis jasamu dikenang bagi menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh anggota bersara sepanjang perkhidmatan mereka di jabatan ini

Majlis ini telah disempurnakan oleh pengarah penguatkuasa dan turut dihadiri pegawai-pegawai kanan jabatan serta anggota penguatkuasaan dari pelbagai unit.



"Command Centre"



MY - VIS

Sistem My – Vis

(My – Vehicle Impound System) merupakan sistem pemindahan kenderaan bertujuan merekod maklumat kenderaan yang disita/tunda.



VT CONSOLE

Sistem walkie talkie yang digunakan bagi mengesan kedudukan anggota dan sebagai command centre untuk menyalurkan aduan




Drone

Pemantauan lokasi kesalahan dan bencana menggunakan drone berteknologi tinggi.



MY-EMS

Pemantauan anggota di tapak melalui handheld yang digunakan oleh anggota dalam tindakan penguatkuasaan



Vit System/ Vehicle Tracker

Sistem untuk mengesan pergerakan kenderaan penguatkuasaan



INFO TERKINI MBBJ DAN MKN

Memaparkan info terkini MBBJ dan isu semasa sebagai contoh maklumat wabak Covid-19

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Kolaborasi Strategik Di Antara Majlis Bandaraya Johor Bahru Bersama Polis Diraja Malaysia Dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Tarikh : 27 Julai 2020

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Johor di Menara MBBJ Bukit Senyum bagi mewujudkan kerjasama strategik perkongsian pintar sistem tunda kenderaan (My Vehicle Impound Sistem – MyVIS) serta dalam usaha menangani isu lambakan kenderaan buruk dan terbiar di tempat awam dalam bandar raya ini.



Program Town Hall Bersama Warga Bandaraya Tarikh : 23 Ogos 2020

Jabatan penguatkuasaan telah terlibat secara langsung dalam program Town Hall bersama penduduk yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru bertempat di Dewan Muafakat Taman Adda Height.

Dalam sesi town hall tersebut Jabatan Penguatkuasaan telah membentangkan isu berkaitan kenderaan buruk/terbiar serta telah mengadakan mini pameran berkenaan kempen jom serah kenderaan lanjut usia dan sistem My Vis (sistem pemindahan kenderaan).



Lawatan Kerja Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tarikh : 2 September 2020

Jabatan Penguatkuasaan, Bahagian Undang – Undang dan Bahagian Teknologi Maklumat MBBJ telah mengadakan satu lawatan penandaarasan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mempelajari berkenaan sistem pemindahan kenderaan (tunda) serta prosedur tindakan semasa menunda kenderaan oleh pihak DBKL di lapangan.



Lawatan Kerja Ke Majlis Bandaraya Shah Alam (Mbsa), Selangor Tarikh : 3 September 2020


Satu lawatan penandaarasan juga telah dibuat di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertujuan mempelajari dan berkongsi maklumat berkenaan sistem pemindahan kenderaan dan modul kompaun yang digunakan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBSA.

Lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas berkenaan SOP oleh jabatan dan berakhir dengan penyampaian saguhati diantara kedua – dua pihak.



Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Pengerang, Johor Tarikh :17 September 2020

Pada 17 September 2020, Majlis Perbandaran Pengerang, Johor telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penguatkuasaan MBBJ bagi mempelajari prosedur operasi sitaan premis dan kertas siasatan pendakwaan premis tanpa lesen. Lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas berkenaan SOP yang digunakan oleh jabatan dan berakhir dengan praktikal operasi premis dilapangan serta lawatan tapak di depoh simpanan jabatan di Mount Austin.



Pencapaian Jabatan Penguatkuasaan

Kumpulan DICE dari Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima pengiktirafan anugerah emas dan 5 bintang sempena konvensyen Annual Productivity And Innovation Conference & Exposition (APIC) 2020 yang telah berlangsung pada 17 - 19 November 2020 anjuran MPC.

Tahniah Kumpulan Dice MBBJ Terima Anugerah Emas Bersempena "Regional Innovation Showcase On Team Excellence" (Ristex) 2020 Wilayah Selatan Pada 22 - 23 September 2020





Jabatan Pembangunan Masyarakat



Jabatan Pembangunan Masyarakat


Visi

Ke Arah Masyarakat Metropolitan Yang Maju, Berbudaya, Harmoni dan Sejahtera.

Misi

Mengukuhkan kecemerlangan pasukan dan petugas sosial menerusi pengurusan berkualiti, semangat kesukarelawan, perkongsian bijak dan penyertaan awam ke arah pembangunan masyarakat maju, berbudaya, harmoni dan sejahtera.

Carta Organisasi




- 1) Jabatan Pembangunan Masyarakat yang terdiri daripada Bahagian Agenda Tempatan, Bahagian Sukan dan Perpustakaan Sultan Ismail memainkan peranan yang penting dalam pembangunan komuniti secara amnya dan MBBJ khususnya melalui visi dan misi MBBJ.

- 1.1) Bahagian Agenda Tempatan - Terdapat beberapa unit di bawah Bahagian Agenda Tempatan :

- 1.1.1) Unit LA21 berperanan mengadakan program-program LA21 di samping membantu Ahli – ahli Majlis MBBJ dalam mengadakan program – program komuniti di zon masing – masing. Unit LA21 juga menguruskan hal – hal berkaitan Ahli – ahli Majlis seperti tuntutan pembayaran Ahli Majlis.
- 1.1.2) Unit Muzik dan Kebudayaan diketuai oleh Pengarah Muzik B41 berperanan menganjurkan program dan aktiviti kebudayaan, seperti program mingguan di Dataran Bandaraya.
- 1.2) Bahagian Sukan – Berperanan mengadakan program dan aktiviti sukan, seperti yang diadakan setiap minggu di Taman Merdeka dan juga di Dataran Bandaraya. Unit Pelancongan pula menyelaras dan mengumpul maklumat – maklumat mengenai tempat – tempat menarik termasuk lokasi tempat makan di sekitar Johor Bahru.

- 1.3) Perpustakaan Sultan Ismail – Diketahui oleh Pustakawan S44, Perpustakaan Sultan Ismail yang terletak di Jalan Kolam Ayer, dibuka setiap hari Ahad hingga Rabu bermula 10.00 pagi sehingga 9.00 malam, manakala Khamis hingga Sabtu pula, waktu operasi adalah pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. PSI juga aktif dalam mengadakan aktiviti dan program, untuk semua golongan sepanjang tahun.

2) Bilangan Program – program komuniti dan LA21 2019 :



3) Laporan Kewangan Peruntukan Ahli Majlis Untuk Program Komuniti Dan LA21 Bagi Bulan Januari Sehingga Disember 2019

Bil	Zon Ahli Majlis	Jumlah Telah Dibelanjakan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratusan Penggunaan (%)
1	Tiram	19,877.00	123.00	99.39
2	Desa Cemerlang	19,945.68	54.32	99.73
3	Dato' Onn	8,808.00	11,192.00	44.04
4	Pelangi Indah	19,766.50	233.50	98.83
5	Taman Daya	19,909.50	90.50	99.55
6	Mount Austin	19,946.55	53.45	99.73
7	Setia Austin	20,000.00	-	100.00
8	Larkin	13,978.00	6,026.00	69.89
9	Bandar Baru Uda	19,999.00	1.00	99.99
10	Kg. Melayu/Taman Suria	19,988.09	11.91	99.94
11	Bakar Batu	18,836.00	1,164.00	94.18
12	Taman Pelangi/Taman Sentosa	5,820.00	14,180.00	29.10
13	Kebun Teh	20,000.00	-	100.00
14	Stulang	20,000.00	-	100.00
15	Wadihana/Taman Abad	13,117.66	6,882.34	65.58
16	Permas Jaya/Teluk Jawa	18,678.16	1,312.84	93.39
17	Taman Molek	18,720.00	1,280.00	93.60
18	Taman Johor Jaya	17,880.00	2,120.00	89.40
19	Taman Rinting/Sri Plentong	19,950.00	50.00	99.75
20	Kempas	11,177.00	8,823.00	55.89
21	Bandar	19,987.00	13.00	99.94

22	Teluk Danga	19,978.00	22.00	99.89
23	Tampoi	19,716.10	283.90	98.58
24	Austin Duta	19,882.50	117.50	99.41
Jumlah Besar		425,956.74	54,043.26	88.74

Program – Program Komuniti Ahli Majlis dan LA21



Sesi Dialog/Townhall/Walkabout Bersama Penduduk Di Beberapa Zon



Antara aktiviti bersama penduduk di beberapa tempat sepanjang Tahun 2020 sebelum pandemik Covid-19 dan selepas PKP dikuatkuasa.

Pada tahun 2020, LA21 terdapat kekangan untuk melakukan program setelah Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan akibat pandemik Covid-19 yang telah melanda Negara.



Pelaksanaan Kebun Kejiranan PPR Desa Mutiara



Antara sorotan program – program komuniti dan LA21 yang lain sepanjang 2020.

Bahagian Agenda Tempatan

Laporan Aktiviti Ahli Majlis

5 Pelan Tindakan

Bil	Pelan Tindakan	Jumlah Program/Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan
1	Pembangunan Sosial	47
2	Kesihatan & Keselamatan	47
3	Kebersihan & Kitar Semula	4
4	Ekonomi & Pelancongan	36
5	Pengindahan	
Jumlah		134

Gambar Aktiviti Zon Ahli Majlis

(Pembangunan Sosial)



Tajuk : Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1441 H
Tarikh : 4 Januari 2020
Tempat : Surau Nur Falah, Ppr Taman Sri Stulang, Johor Bahru.

(Ekonomi dan Pelancongan)



Tajuk : Gotong-Royong Jom Ganyang Aedes Dan Pelancaran Kelas Bimbingan Dan Tuisyen Zon Kg Melayu
Tarikh : 8 Febuari 2020
Tempat : Gelanggang Futsal Jalan Aman, Kg Melayu Majidee

(Keshitan dan Keselamatan)



Tajuk : Gotong-Royong Jom Ganyang Aedes Dan Pelancaran Kelas Bimbingan Dan Tuisyen Zon Kg Melayu

Tarikh : 8 Febuari 2020

Tempat : Gelanggang Futsal Jalan Aman, Kg Melayu Majidee

(Kebersihan dan Kitar Semula)



Tajuk : Kursus Perniagaan Foodtruck

Tarikh : 23 Ogos 2020

Tempat : Dewan Hassan Abdullah, Jalan Mata Kucing, Kg Pasir, Johor Bahru

Bahagian Sukan

Laporan Bahagian Sukan

Tarikh	Aktiviti	Pelaksana	Tempat
Setiap Jumaat, Sabtu & Ahad Jam 8.00 pagi	J-Robik	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Taman Merdeka Majlis Bandaraya Johor Bahru
Kumpulan Sasaran : Warga Bandaraya Johor Bahru Kehadiran : 100 – 150 orang peserta			



Tarikh	Aktiviti	Pelaksana	Tempat
Setiap Rabu Jam 5.30 petang	Zumba	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Taman Merdeka Majlis Bandaraya Johor Bahru
Kumpulan Sasaran : Warga Bandaraya Johor Bahru Kehadiran : 50 orang peserta			



Tarikh	Aktiviti	Pelaksana	Tempat
17.01.2020 (Jumaat) Jam 8.00 malam	Recreational Night @ Dataran	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Dataran Bandaraya Johor Bahru dan sekitar kawasan bandar raya Johor Bahru.
Kumpulan Sasaran : Warga Bandaraya Johor Bahru Kehadiran : 300 peserta menyertai pelbagai acara seperti larian, berbasikal dan zumba			



Perpustakaan Sultan Ismail

Aktiviti Dan Prestasi Perpustakaan Sultan Ismail 2020

Ringkasan Laporan

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pengguna Perpustakaan	6,743
2.	Kutipan Hasil (RM)	1,171.20
3.	Pendaftaran Keahlian Baru	136
4.	Jumlah Keseluruhan Ahli Berdaftar	25,693
5.	Perolehan Bahan Perpustakaan (RM)	238,360.82
6.	Perolehan Akhbar, Majalah dan Bahan Serial (RM)	44,422.39

Laporan Aktiviti 2020

Jumlah Kehadiran Pengguna Perpustakaan 2020

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pengguna di Perpustakaan Sultan Ismail, Larkin	-
2.	Pengguna di Cawangan Kempas	1,838
3.	Pengguna di Cawangan Permas Jaya	357
4.	Pengguna di Cawangan Kg. Melayu	224
5.	Pengguna Pustaka Bergerak	4,324
Januari - Disember		6,743

Jumlah Kehadiran Pengguna Perpustakaan 2020

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pendaftaran Keahlian	920.00
2.	Bayaran Denda Lewat/ Kehilangan Bahan Perpustakaan	52.20
3.	Sewaan Tempat	-
4.	Penggunaan Internet/ Elektrik/ Lain-lain	199.00
Jumlah Kutipan		1,171.20

Laporan Aktiviti Perpustakaan Sultan Ismail 2020

Bil	Perkara	Jumlah	Jumlah
Perkhidmatan Pustaka Bergerak			
	• Perkhidmatan Pustaka Bergerak ke 16 buah sekolah rendah mengikut jadual yang telah ditetapkan	Jan – Mac 2020	
1.	SK Permas Jaya 1		
2.	SK Tmn Bukit Kempas		
3.	SK Tmn Tampoi Utama		
4.	SK Pengkalan Rinting		
5.	SK Sri Amar		
6.	SK Mount Austin		
7.	SK Kompleks Uda		
8.	SK Bandar Baru Uda 2		
9.	SK Tmn Damansara Aliff		
10.	SK Tmn Sri Tebrau		
11.	SK Permas Jaya 3		
12.	SK Kempas		
13.	SK Mohd Khir Johari		
14.	SK Taman Suria		
15.	Sek. Rendah Agama Islam Bersepadu		
16.	SK Tmn Molek		
	• Perkhidmatan Pustaka Bergerak PSI, Sesi bercerita dan permainan tradisional sempena Program "Jom Kurus Free Work Out Johor" di Dataran Bandaraya Johor Bahru setiap hari jumaat minggu ketiga	9 Jan 2020	50 pengunjung
	• Perkhidmatan Pustaka Bergerak PSI dan permainan tradisional sempena "Dataran Recreational Day" di Dataran Bandaraya Johor Bahru setiap hari jumaat minggu ketiga.	17 Jan 2020	50 pengunjung
Program Outreach Perpustakaan			
2.	• Progam Outreach: Sehari bersama pelajar dan Majlis Pelancaran Program Nilam Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Wangsa	19 Feb 2020	500 pelajar
	• Pameran dan sudut bacaan Perpustakaan sempena Program Kidney Healthathon di AEON Mall Tebrau City	26 – 27 Sept 2020	300 pengunjung
Program Bertema			
	• Pertandingan permainan tradisional sempena JB Wake Up! : Car Free day bertempat di hadapan bangunan MBJB	4 Jan 2020	30 pengunjung
3.	• Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan kali ke-34 tahun 2020 Peringkat Negeri Johor anjuran bersama Persatuan Penulis Johor dan MBJB. Majlis perasmian di sempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Negeri Johor, YB Tuan haji Mazlan Bin Bujang	29 Ogos 2020	100 pengunjung

Bil	Perkara	Jumlah	Jumlah
Program Pendidikan			
4.	• Bengkel kesenian: Teknik mewarna krayon bersama Art's Cool Studio	15 Feb 2020	25 peserta
	• Kelas bimbingan pelajar Sekolah Menengah dan rendah di PSI Cawagan Kg. Melayu	15 Feb 2020	30 peserta
	• Majlis Pelancaran Projek Pendidikan & Kemahiran YBBB sesi 2020 bertempat di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru	4 Mac 2020	100 pengunjung
	• Kem motivasi dan pemantapan sahsiah 2020 peringkat sekolah menengah kepada pelajar-pelajar sekolah angkat YBBB bertempat di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram	14 – 16 Mac 2020	200 peserta
	• Bengkel kesenian: LEGO Serious Play bersama Hj Mohd Amin Othman	14 Mac 2020 17 Ogos 2020	30 peserta 25 peserta
Lawatan Ke Perpustakaan Sultan Ismail			
5.	• Kunjungan hormat Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Johor Bahru	15 Jan 2020	10 pegawai
Program Bersama Agensi Luar			
6.	• Program kempen membaca Zon Pelangi Indah anjuran PSI dengan kerjasama Ahli Majlis, Zon Pelangi Indah bertempat di Taman Rekreasi Tasik Pelangi Indah Johor bahrui.	18 Jan 2020 15 Feb 2020	50 penduduk 50 penduduk
	• Kelas berzanji oleh Pengurusan Ketua Kg. Melayu Majidi bertempat di PSI Cawangan Kg. Melayu	19 Jan 2020	30 peserta
	• Smart Rider Reading Program di Taman Permainan Jalan Bunga Melati, KDSM	25 Jan 2020	50 pengunjung
	• Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan Pelajar Sekolah dan aktiviti STREAM bersempena Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan pelajar di PSI cawangan Kampung Melayu.	8 Feb 2020	100 pelajar
	• Pertandingan mencipta Buku Skrap Digital Citra Bahasa secara dalam talian, sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan untuk pelajar-pelajar Sekolah menengah tingkatan 1 – 5 di Negeri Johor dan Melaka	16 Jun – 26 Ogos 2020	80 peserta
	• Pertandingan Surat Kiriman dari Daksina dalam talian, sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah di negeri Johor dan Melaka	16 Jun – 26 Ogos 2020	50 peserta
	• Pertandingan Pencerita Hebat Sirah Anbia sempena Gerakan Dekat Bahasa Kebangsaan untuk pelajar-pelajar Sekolah Rendah Tahap 1 di negeri Johor dan Melaka	16 Jun – 23 Sept 2020	50 peserta

Bil	Perkara	Jumlah	Jumlah
Program Kebangsaan			
7.	• Program Jom Baca Bersama 2020 secara dalam talian selama 10 minit yang dijalankan serentak diseluruh Malaysia sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia	23 April 2020	Seluruh warga Malaysia

Laporan Bergambar Program-Program Perpustakaan Sultan Ismail Tahun 2020

1. Perpustakaan Sultan Ismail menerima kunjungan hormat Konsult Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Johor Bahru, yang diketuai oleh Bapak Sunarko, Konsol Jenderal Republik Indonesia bersama 3 orang pegawai Konsulat Republik Indonesia pada 15 Januari 2020



Sesi taklimat oleh Pustakawan PSI berkenaan perkhidmatan dan program pendidikan yang dijalankan di Perpustakaan Sultan Ismail



Sesi bergambar bersama Konsulat Republik Indonesia dan delegasinya serta pegawai dari MBBJ

2. Perkhidmatan Pustaka Bergerak PSI, Sesi bercerita, Sukaneka dan permainan tradisional sempena "Recreation Night" di Dataran Bandaraya Johor Bahru setiap hari jumaat minggu ketiga.



Sesi bercerita bersama pengunjung



Aktiviti Sukaneka dan permainan tradisional dijalankan selepas sesi bercerita berjalan

3. Program kempen membaca Zon Pelangi Indah anjuran PSI dengan kerjasama Ahli Majlis, Zon Pelangi Indah bertempat di Taman Rekreasi Tasik Pelangi Indah Johor bahr.



Sesi bercerita bersama pengunjung oleh pegawai perpustakaan



Aktiviti Sukaneka dan permainan tradisional dijalankan selepas sesi bercerita berjalan

- 4 .Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan Pelajar Sekolah dan aktiviti STREAM di PSI cawangan Kampung Melayu 8 Februari 2020.



Majlis dirasmikan oleh YB Hj Dzulkefly Bin Ahmad, Exco Perumahan Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor



Antara aktiviti STREAM yang dijalankan iaitu Pop Out Ping Pong dan 4 aktiviti lain yang dijalankan serentak.

5. Bengkel kesenian: Teknik mewarna krayon bersama Art's Cool Studio pada 15 Febuari 2020.



Para peserta diberikan pengajaran secara berkumpulan



Hasil kreativiti peserta dalam mempelajari teknik asas mewarna krayon

6. Bengkel Kesenian: Lego Serious Play untuk pelajar sekolah menengah bertempat di PSI Kg. Melayu pada 14 mac 2020.



Hasil kreativiti kumpulan dalam kelas Lego serius play



Sesi bergambar bagi penutupan kelas Lego serius play



Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim



07-219 8000



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi



[@mbjbrasmi](https://www.instagram.com/mbjbrasmi)